

BAB EMPAT

PEMIKIRAN KEBITARAAN

4.1 Pengenalan

Perkembangan awal dari segi minda penting untuk pembangunan manusia. Melalui akal fikiran itu, manusia dapat memajukan dan melengkapkan dirinya dengan pelbagai ilmu dan maklumat supaya dapat menghadapi segala pancarobah dunia. Otak dan akal bertindak sebagai alat peneroka dan penyelidik ilmu dan maklumat kepada manusia. (Abdul Fatah Hasan, 2001:1-3). Oleh yang demikian, tumpuan harus diberikan bagi mempertingkatkan perkembangan otak dan akal yang merupakan elemen penting dalam Pemikiran Kebitaraan.

Bab keempat ini memuatkan kajian tentang Pemikiran Kebitaraan MTA berdasarkan KTK. Pengkaji mendekati bab ini berdasarkan kerangka berikut.

- 4.1 Pendefinisian konsep Pemikiran Kebitaraan.
- 4.2 Pemikiran Kebitaraan berdasarkan Teori SPB4K.
- 4.3 Pemikiran Kebitaraan dalam puisi-puisi KTK.
- 4.4 Analisis Pemikiran Kebitaraan MTA berdasarkan puisi-puisi KTK

Perbincangan dalam bab keempat dimulakan dengan pendefinisian konsep Pemikiran Kebitaraan. Kajian terhadap bidang Pemikiran Kebitaraan berkait rapat dengan struktur dan perkembangan otak dan teori-teori yang berkaitan dengan otak. Pemahaman terhadap

kedua-dua konsep ini perlu diberi perhatian, sebelum mendekati kajian terhadap Pemikiran Kebitaraan MTA menerusi KTK.

4.1.1 Konsep Pemikiran Kebitaraan

Istilah kebitaraan berasal daripada kata akar bitara, yang membawa maksud cemerlang, gemilang dan terbilang. Menurut Mohd Yusof Hasan (2007: 63),

“Pemikiran Kebitaraan yang juga dikenali sebagai pemikiran lahir yang merujuk kepada usia akal di sekitar kelahiran manusia itu mulai dari dalam rahim ibunya hingga ke usia enam tahun selepas dilahirkan. Istilah bitara juga membincangkan aspek zahir atau fizikal otak itu sendiri yang mempunyai bentuk, struktur, kapasiti, fungsi, teori dan bahagiannya yang tersendiri”

Kejadian manusia bermula dengan organ otaknya terlebih dahulu daripada organ-organ lain. Pemikiran Kebitaraan mengkaji peringkat awal kejadian manusia yang bermula daripada proses perkhawinan, hubungan suami isteri, tempoh penghamilan, proses kelahiran anak, penjagaan dan pendidikan asas semasa bayi, hubungan ibu bapa dengan anak, penjagaan kesihatan, makanan dan pemakanan dan pendidikan pada zaman kanak-kanak itu sedang membesar (Ghazali Bin Din. 2010:140). Oleh yang demikian, proses kejadian otak perlu diberi perhatian serius oleh kedua-dua ibu bapa dan masyarakat.

Ilmu-ilmu seperti ilmu kesihatan, perubatan dan psikologi dapat mendedahkan Pemikiran Kebitaraan yang didukung oleh sesuatu masyarakat. Pemikiran Kebitaraan merupakan pemikiran tentang pengawasan anak-anak supaya dapat membentuk minda yang sihat. Namun demikian, pokok perbincangan yang penting dalam Pemikiran Kebitaraan ialah tentang otak manusia itu sendiri.


4.1.2 Fakta-fakta Tentang Otak Manusia

Kajian tentang otak dan struktur-strukturnya merupakan sebuah kajian saintifik yang dijalankan oleh pakar-pakar khususnya daripada bidang perubatan. Oleh hal yang demikian, bidang ini bukan mudah untuk difahami. Kenyataan ini disokong oleh Frank Campbell dan George Singer (1979: 1) seperti berikut:-

“The brain is so complex that it seems impossible for the psychologist to understand in fine detail the brain process involved in behavior, even in animals with brains much less complicated than that human. Yet slowly but surely the brain is being mapped, and now it is possible, as a result of technological advances in the past two decades, to study brain processes simultaneously with the behavior of the animal”.

Menurut pandangan Frank Campbell dan George Singer, kajian terhadap otak adalah begitu kompleks, sehingga para ahli psikologi menghadapi kesukaran untuk memahami secara terperinci tentang otak dan proses otak yang terlibat dalam tingkah laku.

Otak adalah organ yang pertama dijadikan Tuhan untuk manusia. Otak membentuk dua peratus dari berat badan manusia dan terdapat lebih kurang 10 000 million sel saraf dalam otak (F.Campbell & G.Singer, 1979:1). Otak memerlukan dua elemen iaitu darah, dan oksigen untuk berfungsi. Otak terdiri daripada tiga bahagian iaitu serebrum, serebelum dan medulla oblongata. Otak dibahagikan mengikut lobesnya iaitu occipital lobus (*occipital lobe*) yang mengawal penglihatan, frontal lobus yang mengawal ingatan, pemikiran dan tingkah laku; temporal lobus (*temporal lobe*) yang mengawal emosi, tingkah laku, pendengaran dan ingatan; parietal lobus (*parietal lobe*) yang mengawal intelek, penaaakulan, ingatan (Mohd Yusof Hasan, 2002:89). Pembahagian struktur otak dapat dilihat dalam model otak seperti berikut:-



Gambar 4.1: Struktur Otak

Sumber: <http://www.psychologymania.com/2012/04/bahagian-bahagian-otak.html>

Otak juga mengawal fungsi dan sistem organ lain selain bertindak sebagai pusat mengawal intelek, fikiran, ingatan, pernafasan, denyutan dan emosi. Namun demikian, otak manusia tidak terbentuk secara total pada hari kelahirannya, sebaliknya dibina melalui beberapa tahap pembangunan seperti berikut:-

- i. 5 bulan in-utero (dalam rahim) – 1 trilion neuron terbina
- ii. 5 bulan seterusnya proses perangkaian neuron dan bertambah matang sehingga
 - Waktu lahir = 25% tahap pembangunannya
 - Waktu 6 bulan = 50% tahap pembangunannya
 - Usia 3 tahun = 85% tahap pembangunannya
 - Usia 6 tahun = 95% tahap pembangunannya


(Mansor Sukaimi. 2006: 51)

Hal ini bererti, tahap pembangunan otak manusia hanya tinggal 5% sahaja lagi selepas kanak-kanak menjadi remaja dan seterusnya dewasa (Mohd Yusof Hasan, 2002:91-92).

Bagi perkembangan otak yang baik, otak memerlukan sistem pemakanan yang baik yang terdiri daripada oksigen, amalan makanan seimbang, kasih sayang dan rangsangan. Abdul Fatah Hasan (2006:90-91) yang mengungkap pandangan Richard Wurtman menyarankan dua prinsip asas dari segi pemakanan untuk perkembangan otak, iaitu:-

- i. Pengambilan bahan protein dapat menambahkan asid tiroksin dalam otak dan semakin banyak penghasilan Dopamine & Norepinephrine. Potensi otak akan meningkat dan minda menjadi lebih mencabar dan kreatif.
- ii. Pengambilan karbohidrat tanpa diseimbangkan dengan protein akan membentuk lebih bahan serotonin. Dengan ini seseorang akan berasa lebih istirehat dan kurang tekanan.

Sebagai alat penjana dan penyelidik ilmu , otak mempunyai fungsi dan mempunyai keupayaan-keupayaan yang dapat disimpulkan seperti berikut:-



Rajah 4.1 Keupayaan Otak Manusia

Diubah suai daripada, Abdul Fatah Hasan (2001:1-3)

4.1.3 Penghususan Hemisfera Otak

Pada tahun 1836, seorang doktor Perancis bernama Marc Dax mencadangkan perbezaan fungsi di antara hemisfera kiri (HOKI) dan hemisfera kanan otak (HOKA) berdasarkan pemerhatian beliau terhadap pesakit yang menghidap penyakit afasia (F.Campbell and G.Singer, 1979: 67). Hasil kajian beliau, mendapati bahawa bahagian kanan badan dihubungkan dengan hemisfera kiri otak manakala bahagian kiri badan dihubungkan dengan hemisfera kanan otak. Hemisfera kanan dan hemisfera kiri berkomunikasi melalui saraf besar yang dikenali sebagai korpus kalosum (*corpus callosum*) (D.Gilling and R. Brightwell, 1982: 11).

4.1.3.1 Teori Belahan Dedua Otak

Pada 1960, Roger Sperry telah menemui hubungan antara aktiviti manusia dengan otak yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu otak kanan dan otak kiri (N.S.Rajendran,2013: 37). Penemuan ini membawa kepada penghasilan teori belahan dedua otak iaitu *The Split Brain Theory* (Maed.J.D.S, 2011: 9) yang menunjukkan bagaimana hemisfera otak mempengaruhi cara berfikir dan tingkahlaku seseorang. Pergerakan tangan kanan dan kiri menentukan kecenderungan penggunaan sama ada otak kanan atau kiri. Otak kanan memfokuskan terhadap kreativiti dan imaginasi. Ia melihat sesuatu secara menyeluruh dan dalam satu kesatuan yang bermakna. Otak kiri adalah otak kritis, iaitu otak yang memberi tumpuan terhadap urutan, analisis dan ilmu logik (T.Buzan & B.Buzan, 2003; 32-33).

Kajian menunjukkan bahawa kadar perkembangan hemisfera otak yang berlainan mempengaruhi kemahiran manusia. Hoki yang berkaitan dengan perkembangan bahasa

berkembang dengan pantasnya pada peringkat kanak-kanak 3-6 tahun, manakala Hoka pula berkembang dengan pesatnya pada umur 8-10 tahun dengan tumpuan ke atas perkembangan kemahiran ruang seperti mengenali bentuk-bentuk geometri, mencari arah dan melukis (T.Buzan, 1988: 24). Perincian tentang fungsi-fungsi Hoki dan Hoka dapat disimpulkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 4.1 Fungsi Hoki dan Hoka


Hemisfera Kiri (Hoki)	Hemisfera Kanan (Hoka)
Memfokuskan pertuturan, urutan dan persepsi terhadap masa. Maklumat-maklumat diproses secara linear, berurutan dan logik.	Memfokuskan pemprosesan maklumat bersifat bukan linear dan menyeluruh tetapi berurusan dengan pelbagai variable dan maklumat yang berbeza.
Mempunyai aspek personaliti ego, sedar dan super ego	Mempunyai aspek personaliti seperti mimpi, asosiasi bebas dan halunasi.
Gaya berfikir rasional dan logik	Gaya berfikir intuitif dan kreatif.
Terlibat dalam proses pemahaman bahasa yang meliputi pertuturan, pendengaran, pembacaan dan penulisan	Terlibat dalam pemikiran bukan verbal, konkrit, berobjek tiga dimensi, analogi, emosi, estetik, fungsi visuospasial, auditori dan sintesis.
Dikhususkan untuk pengiraan matematik, pemikiran saintifik dan tugas-tugas logikal	Dikhususkan untuk stereognosis, iaitu keupayaan mengenal pasti bentuk dan berat sesuatu objek dengan cara mengangkat atau mengendalikannya.
Mengawal bahagian kanan anggota badan	Mengawal bahagian kiri anggota badan
Ahli sains, ahli matematik, pemain catur, pakar geografi mendominasi hemisfera ini	Pelukis, penari, pengukir dan pemuzik Antara yang mendominasi hemisfera ini
Pendekatan untuk selesai masalah ialah melalui cara langkah demi langkah, numerikal dan logik	Pendekatan yang digunakan ialah mencari imej, konsep, corak, bunyi dan pergerakan.
Menyerap maklumat secara lisan dan menggunakan pemikiran logik untuk membuat keputusan	Menerima dan mencerna maklumat beserta emosi dan memberikan keputusan berbentuk gerak hati

<p>Menyelesaikan masalah dengan pendekatan yang tersusun. Selalunya mereka akan melakukan penyelidikan, menyimpan senarai dan menganalisis beberapa kemungkinan penyelesaian. Mereka kemudian akan melihat kemungkinan tersebut daripada sudut pandangan yang berbeza. Kerap juga antara mereka mencari pihak lain yang pernah menghadapi masalah yang serupa. Jika cara yang diambil oleh orang lain itu terbukti berkesan, mereka akan cenderung untuk mengikut kaedah tersebut</p>	<p>Menyelesaikan sesuatu masalah dengan mengutamakan penyelesaian yang dirasainya betul. Mereka mendapatkan pandangan orang lain tentang cara yang dipilih. Mereka lebih berani mengambil risiko serta lebih teruja dengan perasaan tercabar oleh masalah. Walaupun terdapat jalan lain yang pernah terbukti berkesan, mereka sedia untuk mengetepikannya dan mencuba cara baru sambil melihat apa yang akan terjadi</p>
---	--

Diubah suai daripada, J.A. Philips (1999: 28-30) dan Rajendra Kartawira (2006:24)

Ada sarjana yang mengaitkan konsep pemikiran bawah sedar yang diperkenalkan oleh Sigmund Freud sebagai bukti wujudnya bahagian yang tidak dominan pada otak seseorang. Jika pembuat keputusan yang banyak menggunakan otak kiri yang logik, maka pemikiran bawah sedar sebenarnya hanyalah suatu kesan pengaruh daripada bahagian otak kanan yang lebih bersifat emosional (M.Runco, 2007: 73-75).

Secara kesimpulannya ciri-ciri maklumat yang diproses oleh hemisfera otak kiri dan otak kanan dapat diterangkan seperti berikut:-



Rajah 4.2: Maklumat Yang Diproses Oleh Hemisfera Otak Kanan dan Otak Kiri

Diubah suai daripada, Nik Azis Nik Pa (1999: 39).

Suatu kajian yang dijalankan di Universiti San Francisco mendapati, otak mula mencari sesuatu maklumat yang kita kehendaki kira-kira empat persepuluh daripada satu saat lebih awal daripada detik ketika kita mula menyedarinya (Ahmad Amin Mohamad Sulaiman, 2006: 38). Maksudnya, ketika kita menyedari kita mula berfikir, otak kita sudah pun mencari maklumat terlebih dahulu. Proses ini dikatakan sebagai gerak hati. Gerak hati bukan semata-mata datang daripada perasaan sebaliknya datang dari tindakan otak yang

lebih pantas daripada pergerakan anggota badan yang bertindak balas terhadap apa yang difikirkan.

Individu menggunakan hemisfera otak kiri ataupun otak kanan secara berdominasi mempunyai beberapa ciri yang unik yang dapat diwakilkan seperti berikut:-



Rajah 4.3: Perbandingan Pemproses Otak Kiri dan Otak Kanan.

Diubahsuai daripada, J.A.Philips (1999: 23)

Terdapat dua cara yang dapat dilakukan untuk mengawal bahagian kanan dan kiri otak. Cara pertama adalah merangsangkan gelombang otak dengan mewujudkan suasana riang dan seronok. Keseronokan yang terhasil mempertingkatkan pengaliran darah dan membawa glikogen yang kaya dengan tenaga ke otak. Keadaan ini membawa kepada kemunculan kreativiti dan sensitiviti yang membawa kepada taakulan pantas dan gerak hati. Cara kedua ialah kesongsangan kepada cara pertama, di mana keadaan yang serius dan kurang ceria diwujudkan untuk penggunaan otak kanan. Suasana yang membosankan


menyebabkan otak kiri yang logik berhenti berfungsi. Itulah sebabnya seringkali apabila melakukan kerja atau mempelajari sesuatu yang membosankan, pemikiran kita melayang dan dimasuki pelbagai angan-angan. Khayalan biasanya bersifat kreatif dan imaginatif yang jelas sekali menunjukkan bahawa fungsi keseluruhan otak didominasi oleh bahagian otak kanan (M.Runco, 2007: 75-78).

Eric Jensen (2000: 17) dalam bukunya berjudul, *'Brain-based Learning'*, menyatakan bahawa hemisfera kiri berfungsi memproses *'parts'* iaitu bahagian manakala bahagian kanan pula berfungsi memproses *'wholes'* iaitu keseluruhan. Hoka mempunyai kaitan dengan kemahiran imaginasi yang membawa kepada Pemikiran Kreatif manakala Hoki pula berkaitan dengan kemahiran logik yang berkaitan dengan Pemikiran Kritis (Som Nor & Mohd Dahalan Mohd Ramli, 2002:10-11).

Cara memproses maklumat oleh kedua-dua hemisfera ini menampakkan kelainan. Jika Hoki memproses maklumat secara berturutan, Hoka pula memproses keseluruhan iaitu secara global. Walaupun Hoki dan Hoka mempunyai dua sub sistem pemrosesan maklumat dengan kebolehan yang berlainan, kedua-dua hemisfera ini bertindak secara terlaras untuk menjalankan sesuatu tindakan (T.Buzan, 1988: 24-25). Oleh yang demikian, penggabungan Hoki dan Hoka dapat meningkatkan kecemerlangan seseorang dalam pelbagai bidang.

4.1.3.2 Teori Tiga lapisan Otak

Teori Tiga lapisan otak iaitu *Triune Braine Theory* diperkenalkan oleh Dr.Paul MacLean (Abdul Fatah Hasan, 2006:54). Beliau memperkenalkan teori tiga lapisan otak yang terdiri daripada bahagian otak reptilian, limbik dan neo cortex. Tiga bahagian otak yang dimaksudkan dapat digambarkan dalam gambarajah seperti berikut:-



Gambar 4.2 Teori Tiga Lapisan Otak

Sumber: <http://ideasinspiringinnovation.wordpress.com/2010/02/27/irrational-behavior-as-explained-via-macleans-triune-three-brain-theory/>

Teori tiga lapisan otak tersebut dapat diperjelaskan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 4.2: Tiga Lapisan Otak

Otak Reptilian	Otak ini dikenali sebagai otak 'ular' dan bersifat paling tua dan primitif. Otak reaktif ini bertindak dengan melawan, terbang dan memamatkan tindakan. Ianya dikaitkan dengan kawalan perlakuan secara rutin, irama dan automatik.
Otak Limbik	Otak limbik adalah otak emosi. Otak ini berfungsi sebagai melahirkan rasa takut, tertekan serta gangguan emosi. Ia mengawal perlakuan emosi, motivasi, mood, dorongan seks, pernafasan, interaksi dan tekanan darah.
Otak Neo-Kortek	Bahagian ini merupakan bahagian yang dominan kepada manusia iaitu, sebagai otak mamalia. Pada bahagian ini manusia diberikan kelebihan intuisi, kreativiti, fleksibiliti, logik dan analisis. Bahagian ini boleh merancang dan menyelesaikan masalah dan mengawal aktiviti intelek dengan mencari hubungan antara maklumat dari segi sebab dan akibat, deduksi dan rumusan.

Diubah suai daripada, Rajendra Kartawira, (2006:27-29)


4.1.3.3 Teori *The Whole Brain* (HBDT)

E.Ned Hermann seorang ahli fizik menemukan sebuah teori yang dinamakan sebagai *The Whole Brain Theory* yang diadaptasikan daripada dua teori otak yang lebih awal iaitu Teori Belahan Ddua oleh Roger Sperry dan Teori Tiga Lapisan Otak oleh Paul Maclean. Teori ini juga digelar sebagai teori HDBT (E. Lumsdaine & M. Lumsdaine. 1955:76). Teori yang dihasilkan oleh Ned Hermann dikatakan lebih kompresif dan ekstensif berbanding dengan dua teori awal sebelum ini kerana teorinya memberi kefahaman dan kesedaran terhadap individu akan kebolehan produktiviti, motivasi dan kreativiti (Mohd. Azhar Abd. Hamid, 2004:57).

Ned Hermann memperkenalkan satu model yang menggalakkan penggunaan keseluruhan otak (*whole Brain*). Dalam model ini, otak dibahagikan kepada empat kuadran. Keempat-empat kuadran tersebut melambangkan empat jenis cara berfikir. Setiap bahagian kuadran mempunyai bahasa, nilai dan cara memproses maklumat yang berbeza (Abdul Fatah Hasan, 2001:11). Otak manusia mempunyai pengkhususan dari segi fizikal dan fungsi. Setiap individu adalah unik dan mempunyai kecenderungan berfikir yang berbeza. Individu dipengaruhi oleh keempat-empat kuadran otak, namun salah satu kuadran atau lebih dari satu kuadran lebih dominan daripada yang lain (Maimunah Osman, 2004: 68). Teori ini digunakan untuk melihat kecenderungan berfikir seseorang, iaitu menjelaskan apakah kecenderungan gaya berfikir seseorang apabila individu tersebut dihadapi dengan sesuatu keadaan.

Menurut teori HDBT, otak dibahagikan kepada empat kuadran. Setiap kuadran otak mempunyai fungsi yang berlainan yang dapat membentuk gaya pemikiran individu yang

berbeza. Penggunaan kuadran-kuadran tertentu otak mempengaruhi cara ia memproses maklumat dan cara membuat keputusan yang dapat diterangkan dalam rajah seperti berikut:-



Rajah 4.4: Empat Kuadran Dominan Otak

Diubah suai daripada, E. Lumsdaine & M. Lumsdaine (1955: 80)

Keempat-empat kuadran di atas menunjukkan kebolehan, pemusatan dan kecenderungan otak individu yang menggunakan pelbagai pendekatan bagi menyelesaikan masalah dalam menghadapi sesuatu keadaan. Seseorang perlu memastikan keupayaan memaksimumkan minda dengan mengasah keempat-empat kuadran otak tersebut (Maimunah Osman, 2004:68). Keempat-empat kuadran otak tersebut dapat diperjelaskan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 4.3: Empat Jenis Kuadran Otak

Kuadran	Jenis Pemikiran
<p>Kuadran A</p> <p>Logikal. Analitikal, Faktual, Kuantitatif</p>	<p>Merujuk kepada individu yang dominan terhadap teori dan rasional. Individu dalam Kuadran A menyukai kuliah, fakta-fakta lengkap, pemikiran kritis, buku teks, membaca dan sebagainya. Individu A dikenali sebagai penteori. Mereka mempunyai kecenderungan gaya berfikir secara logikal, analisis iaitu melihat fakta-fakta dan membuat penilaian secara rasional. Orang-orang sebegini sangat analitikal dan biasanya boleh memahami perkara-perkara saintifik dan teknikal. Contoh pekerjaan yang biasa diceburi berdasarkan kecenderungan mereka ialah ahli akademik, perubatan, akauntan dan peguam.</p>
<p>Kuadran B</p> <p>Pengelolaan, Turutan, Perancang, Terperinci</p>	<p>Merujuk kepada individu yang cenderung kepada sesuatu yang bersifat terancang. Individu B meminati aktiviti yang berkaitan dengan senarai semak, latihan dan penyelesaian masalah berdasarkan langkah demi langkah, polisi dan prosedur yang ada. Ia merujuk kepada sifat seseorang pengurus. Mereka mempunyai kecenderungan gaya berfikir yang konservatif, melihat secara terperinci, merancang, melihat dengan sistematik dan praktikal. Orang-orang sebegini biasanya selesa bekerja dalam kedudukan atau struktur yang jelas. Contoh pekerjaan yang biasa diceburi ialah pentadbir, pengurus dan perancang.</p>
<p>Kuadran C</p> <p>Holistik, Intuitif, Integriti, Sintesis</p>	<p>Merujuk kepada pencipta. Ia cenderung kepada sesuatu yang bersifat kreatif. Perah otak, metafora, ilustrasi, gambar, peta minda, sintesis dan holistik merupakan kecenderungan individu dalam kuadran C. Mereka mempunyai kecenderungan gaya berfikir kemanusiaan, mengambil pandangan dan perasaan orang lain di sekeliling bagi memelihara perhubungan. Orang-orang sebegini biasanya perihatin, boleh memahami pandangan dan perasaan orang lain dan selesa meluahkan pandangan dan perasaan mereka. Contoh pekerjaan yang diceburi ialah kerja-kerja kebajikan dan sosial, pengajar dan kaunselor.</p>
<p>Kuadran D</p> <p>Interpersonal, Perasaan, Kinestetik, Emotional</p>	<p>Kuadran D adalah kuadran kemanusiaan. Individu D cenderung kepada aktiviti berkumpul seperti perbincangan dalam kumpulan, main peranan, drama dan pembelajaran kerjasama. Mereka mempunyai kecenderungan melihat secara holistik, mencari idea-idea baru, kemungkinan-kemungkinan baru, tidak terikat dengan peraturan dan imaginatif. Orang sebegini cenderung kepada penerokaan perkara-perkara atau idea-idea baru. Biasanya mereka menceburi pekerjaan dalam bidang seni, hiburan dan jualan.</p>

Diubahsuai daripada, Mohd. Azhar Abd. Hamid (2004:200-201) dan Abdul Fatah Hasan, (2006: 66)

Setiap individu mempunyai satu kecenderungan dominan dengan tiga dominan yang lain sebagai pelengkap. Seseorang individu boleh mengukur dan mengesan kedudukan domain yang dimilikinya menerusi ujian yang dibentuk oleh Hermann iaitu, *Ned Hermann's Brain Dominance Instrument* (Mohd Azhar Abd Hamid, 2004: 69).

4.1.4 Kesimpulan

Pemikiran Kebitaraan merupakan pemikiran yang mengambil kira proses kelahiran dan pembentukan anak yang soleh dan berkait rapat dengan konsep kecemerlangan. Seseorang kanak-kanak perlu dididik supaya dapat mencapai kecemerlangan dari segi fizikal, emosi, adab dan akhlak, intelek dan kebajikan (Mansor Sukaimi. 2006: 8). Para pakar dalam bidang ini berpandangan, bahawa, latarbelakang, dapat memberikan kesan kepada keupayaan otak seseorang. Namun demikian, otak adalah seperti otot yang boleh diasuh melalui pendidikan bagi memaksimumkan keupayaannya (Maimunah Osman, 2004: 65).

4.2 Pemikiran Kebitaraan Berdasarkan Teori SPB4K

Pemikiran Kebitaraan yang digariskan dalam Teori SPB4K dirujuk sebagai Pemikiran Lahir dalam Teori SPB4L. Pemikiran Kebitaraan berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang mementingkan elemen kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Menurut Mohd Yusof Hasan (2012:151), Pemikiran Kebitaraan ialah ilmu pengetahuan tentang kecemerlangan dan kehebatan akal manusia. Pemikiran Kebitaraan mempunyai hubungan dengan penjagaan dan pemuliharaan organ otak, akal dan minda supaya menjadi cerdik, pandai, bijaksana, bestari, bagus dan cemerlang. Pemikiran Kebitaraan yang terkandung dalam Teori SPB4K, mengkaji Pemikiran Kebitaraan dari segi otak manusia secara lahiriah ataupun dari segi bentuk fizikalnya (Mohd Yusof Hasan. 2007:63).


Pemikiran Kebitaraan yang dibawa oleh Teori SPB4K tertumpu kepada perbincangan ke atas penjagaan anak dalam rahim sehinggalah kepada anak itu berusia enam tahun (Ani Omar, 2012:79). Pembangunan otak ialah pembangunan manusia yang memerlukan pemakanan seperti oksigen, kasih sayang, makanan, vitamin, protein, mineral dan rangsangan alam sekitar (Mohd Yusof Hasan, 2002:91).

Teori SPB4K merumuskan bahawa, perkembangan awal minda atau pemikiran, penting kepada pembangunan manusia kerana melalui akal fikiran, manusia dapat melihat hingga dapat membaca, mendengar hingga memahami bahasa, merasa hingga mengenal dan membeza, bertutur, mengacu dan menghayati sesuatu dalam hidupnya. Menurut Mohd Yusof Hasan (2002:89-90), Pemikiran Kebitaraan bermula daripada hubungan lelaki dengan perempuan yang diisytiharkan sebagai suami isteri yang sah dengan berbagai-bagai

upacara keagamaan dan adat dalam sesuatu masyarakat. Otak sebagai organ pertama dan utama wujud selepas enam hari hasil persenyawaan gamat jantan dan betina.

4.2.1 Kerangka Pembinaan Model Pemikiran Kebitaraan Teori SPB4K

Pemikiran Kebitaraan yang dicadangkan dalam Teori SPB4K adalah hasil daripada pengkajian terhadap keadaan fizikal otak, teori-teori minda dan formula kecemerlangan minda. Kerangka model pembinaan Pemikiran Kebitaraan yang digariskan oleh Teori SPB4K dapat dijelaskan menerusi rajah seperti berikut:-



Rajah 4.5: Kerangka Model Pemikiran Kebitaraan Dalam Teori SPB4K

Diubah suai daripada, Mohd Yusof Hasan (2007:62).

4.2.1.1 Fizikal Otak

Pemikiran Kebitaraan berkait rapat dengan keadaan fizikal dan pembangunan otak manusia. Pemikiran Kebitaraan ini difahamkan sebagai '*pemikiran tentang pemikiran*' ataupun sebagai '*pemikiran tentang pembangunan fizikal pemikiran*' (Mohd Yusof Hasan (2002:89). Teori SPB4K membicarakan tentang struktur otak manusia dari segi perkembangan dan pembentukan otak manusia pada waktu lahir yang mencecah 25% dan pada usia enam tahun pembentukannya mencecah 95% pada ketika itu (Mohd Yusof Hasan, 2007:65).

Teori SPB4K menjelaskan bahawa pendidikan yang mencorakkan perkembangan otak manusia bermula daripada 6 hari hingga 9 bulan 10 hari di dalam rahim. Perkembangan otak anak dalam rahim dipengaruhi oleh suasana dan pendidikan dari luar rahim, ibu bapa dan institusi keluarga. Kebolehan anak itu bergerak, membaca, memahami bahasa, bertutur, beremosi, menulis, melukis, berfikir dan sebagainya bergantung kepada pembangunan otaknya. Segala pengalaman dan ilmu yang dialami dan dipelajari oleh anak sepanjang enam tahun pertama akan menjadi kekal (Mohd Yusof Hasan, 2004:88).

4.2.1.2 Teori Minda Barat

Pemikiran Kebitaraan yang digariskan dalam Teori SPB4K, adalah hasil daripada gabungan beberapa petua atau formula dan teori-teori pemikiran daripada pelbagai sumber yang dapat mempertingkatkan kecemerlangan minda seseorang individu (B.Mahaletcimi, 2010:146). Teori SPB4K mengaplikasikan beberapa teori-teori minda Barat seperti Tabiat berkesan Stephen Covey, *Split Brain Theory* oleh Roger Sperry, Teori Kecerdasan oleh

Howard Gardner dan Enam topi pemikiran oleh Edward de Bono dalam proses menghuraikan Pemikiran Kebitaraan. Perincian terhadap teori-teori minda Barat yang dikupas oleh Teori SPB4K dapat diperjelaskan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 4.4 Teori Minda Barat

<p>Tabiat Berkesan Stephen Covey</p>	<p>Stephen Covey, seorang pakar motivasi yang menulis buku berjudul, <i>'The 7 Habits of Highly Effective People'</i> (1989), mengemukakan tujuh tabiat orang yang berkesan. Antara tujuh tabiat berkesan tersebut ialah, bersifat proaktif, mulakan dengan matlamat di akhirnya, ikut tertib, fikirkan menang/menang, cari jalan untuk faham; kemudian difahami, beri bantuan dan kerjasama dan tajamkan gergaji. Stephen Covey membincang ketujuh-tujuh tabiat berkesan yang dipecahkan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan kemenangan peribadi yang mengutamakan prinsip-prinsip wawasan peribadi; kepemimpinan peribadi dan pengurusan peribadi. Bahagian kedua pula membincangkan tentang kemenangan umum yang menitikberatkan tentang prinsip-prinsip kepemimpinan antara orang; komunikasi dan kerjasama kreatif, manakala bahagian ketiga pula mengutamakan prinsip-prinsip perubahan semula.</p>
<p>Split Brain Theory oleh Roger Sperry</p>	<p>Roger Sperry mengemukakan sebuah teori yang dinamakan <i>Split Brain Theory</i>, yang menjelaskan bahawa otak terbahagi kepada otak kanan dan otak kiri. Otak kanan dirujuk sebagai Hoka, menitikberatkan perkara-perkara seperti bahasa, formula matematik, logik, nombor, analisis, linear dan seni kata, manakala otak kiri yang dirujuk sebagai Hoki, pula memberi penekanan kepada bentuk dan corak, manipulasi spatial, menghayati irama muzik, imej atau gambar, khayalan, dimensi dan nada lagu. Mengikut teori ini, otak kanan mengendalikan pemikiran logik, manakala otak kiri mengendalikan Pemikiran Kreatif. Oleh yang demikian penggabungan antara kedua-dua bahagian otak adalah penting untuk kecemerlangan pendidikan.</p>
<p>Teori Kecerdasan Minda oleh Howard Gardner</p>	<p>Howard Gardner merupakan seorang sarjana dalam penghasilan teori kecerdasan minda. Beliau menerbitkan konsep <i>Multiple Intelligence</i> yang melihat kebijaksanaan manusia daripada perspektif budaya, bahasa dan pemikiran tamadun manusia. Beliau menghasikan teori <i>Nine Intelligence</i> bagi menjelaskan teori IQ. Antara sembilan kebijaksanaan ialah logik-matematik, kemahiran linguistik, keupayaan muzikal, kemahiran ruang (<i>spatial</i>), kebijaksanaan gerakan badan (<i>bodily kinaesthetics</i>), kebolehan interpersonal, kebolehan dalam diri atau intrapersonal, kebolehan peka kepada alam sekitar (<i>environmental</i>) dan kemahiran <i>existentialist</i> yang membicarakan unsur-unsur kejiwaan. Howard Gardner menyarankan supaya kesemua kemahiran ini disemaikan dalam diri setiap manusia daripada peringkat awal sebagai bekalan yang berfaedah apabila dewasa kelak</p>
<p>Enam Topi Pemikiran oleh Edward de Bono</p>	<p>Edward de Bono adalah pelopor pemikiran lateral. Beliau memperkenalkan teori enam topi pemikiran yang dapat mewujudkan enam stail atau kebolehan pemikiran. Si topi putih mahir mencari fakta yang bersifat kuantitatif, Si topi merah berfikiran emosional, Si topi hitam berfikiran negatif manakala Si topi kuning sentiasa berfikiran positif. Si topi hijau bersifat inovatif dan Si topi biru pula mengawal dan sentiasa hendak menjadi ketua. (Perbincangan lanjut mengenai enam topi pemikiran dapat dilihat pada bab enam dalam penyelidikan semasa).</p>

Diubah suai daripada Mohd Yusof Hasan, (2002: 93-109)

4.2.1.3 Formula Kecemerlangan Minda

Teori SPB4K mensintesis beberapa formula kecemerlangan minda dalam proses penghasilan Pemikiran Kebitaraan. Antara petua-petua formula kebitaraan yang menjana Teori SPB4K ialah program NURY, Pengasuh Suasana Dorothy Nolte dan Resepi Kecemerlangan Minda oleh Gale Maleskey. Perincian terhadap petua-petua formula kebitaraan yang digariskan oleh teori SPB4K dapat diperjelaskan seperti berikut:-

a. Program NURY

Institut Pembangunan Keluarga dan Kanak-kanak (NURY) meletakkan lima prinsip bagi menjayakan perkembangan minda manusia, khususnya kepada kanak-kanak. Kelima-lima prinsip tersebut ialah mengkaji potensi anak, pengasasan awal anak, peranan ibu bapa dan institusi rumah, hubungan simbiotik dan pengaruh adat resam keluarga dan masyarakat ke atas perkembangan minda (Mansor Sukaimi, 2006:iv). NURY menjalankan program-program seperti program bacaan, cetusan intelek, matematik dan kuantiti, muzik, kreatif, makanan dan pemakanan, pertuturan melalui bahasa, manipulasi, pembangunan jasmani dan jasmani sebagai program pembangunan manusia dari segi intelek (Mohd Yusof Hasan, 2007:68-71).

b. Pengaruh Suasana Dorothy Nolte

Dorothy Nolthe berpendapat bahawa, kanak-kanak mudah dipengaruhi oleh suasana. Beliau berpandangan bahawa "*children learn what they live*" yang bermaksud, suasana memainkan peranan dalam mewarnai kehidupan kanak-kanak. Suasana negatif mencorakkan sifat dan sikap tingkah laku anak-anak. Sekiranya kanak-kanak didedahkan dengan suasana yang positif, maka lahirlah insan yang kamil. Beliau berpendapat bahawa

bagi kanak-kanak yang hidup dalam suasana negatif akan melalui suasana kehidupan seperti dalam jadual berikut:-

Jadual 4.5: Pengaruh Suasana Negatif Terhadap Kanak-Kanak

<p><i>If children live with criticism, they learn to condemn.</i> <i>If children live with hostility, they learn to fight.</i> <i>If children live with ridicule, they learn to be shy.</i> <i>If children live with shame, they learn to feel guilty.</i></p>	<p><i>Jika kanak-kanak hidup dengan kritikan, mereka belajar mengutuk.</i> <i>Jika kanak-kanak hidup dengan permusuhan, mereka belajar untuk melawan.</i> <i>Jika kanak-kanak hidup dengan cemuhan, mereka belajar menjadi malu.</i> <i>Jika kanak-kanak hidup dengan rasa malu, mereka belajar untuk rasa bersalah.</i> <i>Jika kanak-kanak hidup dengan kritikan, mereka belajar untuk mengutuk .</i></p>
---	---

Diubahsuai daripada, J.Canfield & H.C.Wells (1976:23)

Menurut Dorothy Nolte, kanak-kanak yang hidup dalam suasana positif pula mereka akan melalui kehidupan seperti dalam jadual berikut:-

Jadual 4.6: Pengaruh Suasana Positif Terhadap Kanak-Kanak

<p><i>If children live with tolerance, they learn to be patient.</i> <i>If children live with encouragement, they learn to confidence.</i> <i>If children live with praise, they learn to appreciate.</i> <i>If children live with fairness, they learn to justice.</i> <i>If children live with security, they learn to have faith.</i> <i>If children live with approved, they learn to like themselves</i> <i>If children live with acceptance and friendship, they learn find love in the world.</i></p>	<p><i>Jika kanak-kanak hidup dengan toleransi, mereka belajar untuk bersabar.</i> <i>Jika kanak-kanak hidup dengan galakan, mereka belajar untuk yakin.</i> <i>Jika kanak-kanak hidup dengan pujian, mereka belajar untuk menghargai.</i> <i>Jika kanak-kanak hidup dengan keadilan, mereka belajar untuk keadilan.</i> <i>Jika kanak-kanak hidup dengan keselamatan, mereka belajar untuk mempunyai iman.</i> <i>Jika kanak-kanak hidup dengan yang diluluskan, mereka belajar untuk suka diri mereka</i> <i>Jika kanak-kanak hidup dengan penerimaan dan persahabatan, mereka belajar mencari cinta di dunia</i></p>
--	--

Diubahsuai daripada, J.Canfield & H.C.Wells (1976:23)

c. Recepti Kecemerlangan Minda oleh Gale Maleskey

Gale Maleskey merupakan seorang tokoh pendidikan yang telah mengemukakan 15 cara untuk memperhebatkan potensi minda anak (*15 ways to make your child smarter*). Antara cadangan beliau ialah bapa terlibat dalam proses pembelajaran, membuat latihan, bina rasa kehormatan diri, pilih barang permainan untuk membantu proses pembelajaran, berikan peluang untuk berfikir, memberi galakkan, membimbing anak-anak, jaga dan awasi pemakanan, jangan lama menonton televisyen, menggunakan komputer, belajar dengan matlamat, menjadi role model kepada anak, selalu senyum dan ketawa, pandai menguruskan waktu dan mengagih-agihkan tugas (Mohd Yusof Hasan, 2002:96-97).


4.2.2 Pengaplikasian Pemikiran Kebitaraan Dalam Bidang Kesusasteraan

Dalam bidang pengkajian sastera, khususnya terhadap Pemikiran Kebitaraan, Teori SPB4K menggunakan dua kaedah sebagai alat pengganalisan, iaitu kaedah instrinsik dan kaedah ekstrinsik. Kaedah instrinsik digunakan untuk mengkaji perwatakan manusia, manakala kaedah ekstrinsik digunakan untuk mengkaji psikologi dan kemanusiaan sebagai alat untuk mendedahkan Pemikiran Kebitaraan yang terdapat pada teks sastera tersebut (Ani Omar, 2011:260). Teori SPB4K merumuskan bahawa Pemikiran Kebitaraan membawa kepada kecemerlangan ummah dengan melahirkan para sarjana yang dapat membawa pelbagai kebaikan kepada kehidupan manusia masa depan (Mohd Yusof Hasan, 2008:13).

Pemikiran Kebitaraan berdasarkan unsur-unsur kecemerlangan dan kegemilangan dapat dikesan pada seseorang manusia. Menurut Ani Omar (2012: 76), Pemikiran

Kebitaraan sesuai dengan peranan yang dipertanggungjawabkan mengikut peranan manusia sebagai seorang guru, ulama, pemimpin seorang suami atau isteri, ibu atau ayah yang membantu dalam proses pembentukan seseorang anak.

Berdasarkan penjelasan tentang konsep Pemikiran Kebitaraan yang digariskan dalam Teori SPB4K, pengkajian dan penganalisaan terhadap teks-teks sastera mengenai bidang Pemikiran Kebitaraan dapat dijalankan berdasarkan bidang-bidang kajian seperti berikut:-




Rajah 4.6 Bidang Kajian Dalam Pemikiran Kebitaraan

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat daripada Teori SPB4K

4.3 Pemikiran Kebitaraan Dalam Kesusasteraan Tamil Klasik

Pemikiran Kebitaraan merupakan pemikiran yang berkait rapat dengan pembentukan otak manusia dan kerangka Teori SPB4K memberikan penekanan kepada aspek-aspek pembentukan anak itu dari segi jasmani, emosi dan sosial. KTK memaparkan pelbagai maklumat menarik mengenai pemberian ilmu kepada anak-anak yang dapat dilakukan melalui sistem pendidikan formal dan tidak formal yang diterima daripada masyarakat sekitarnya.

Berdasarkan perbincangan tersebut, pengkaji dalam usaha menganalisis Pemikiran Kebitaraan yang terdapat dalam puisi-puisi KTK, menjalankan kajian semasa berdasarkan skop bidang-bidang seperti dalam rajah berikut.



Rajah 4.7: Bidang Kajian Pemikiran Kebitaraan Dalam Kalangan MTA

Sumber: Rajah disediakan berdasarkan maklumat daripada teks KTK

4.3.1 Kehadiran Anak Dalam Keluarga

Kehadiran anak merupakan satu perkara yang dinanti-nantikan oleh warga keluarga MTA. Pasangan suami isteri bersama-sama dengan ahli keluarga yang lain berdoa kepada Tuhan bagi mendapatkan seseorang anak yang kamil. Ini adalah kerana, kehadiran seseorang anak dalam keluarga dapat membawa kebahagiaan dan mewujudkan kemesraan dalam hubungan kekeluargaan. Maklumat yang dipaparkan dalam puisi-puisi KTK yang berkaitan dengan kehadiran anak dalam keluarga dapat dimaktubkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 4.7: Kehadiran Anak Dalam Keluarga

a. Keinginan untuk mendapatkan anak		
Ciri-ciri	Baris	Keterangan
Restu daripada kaum keluarga	<i>Akam-</i> 54: 11-12, 86:13-14	Semasa upacara melangsungkan perkahwinan, si pengantin direstu oleh kaum perempuan lain supaya dapat melahirkan anak yang kamil.
Berdoa kepada tuhan	<i>Pari-</i> 8: 105-106, 11: 129 <i>Patirru-</i> 74: 7-22 <i>Puram-</i> 222: 2-3 <i>Maturai-</i> 609-610	Pasangan suami isteri berdoa kepada Tuhan untuk mendapatkan seorang anak yang kamil.
Berdoa untuk mendapatkan anak perempuan	<i>Akam-</i> 12: 1-3, 257 <i>Kali-</i> 50: 14 <i>Nar-</i> 58: 1-2, 370: 2-3 <i>Ain-</i> 386:1	Si isteri berdoa untuk mendapatkan anak perempuan kerana kehadiran anak perempuan dalam keluarga dianggap dapat membawa kekayaan.
	<i>Ain-</i> 255:1, 256:1, 257: 1-2 <i>Akam-</i> 12, 282 <i>Nar-</i> 44:12, 324:3	Si suami berdoa untuk mendapatkan anak perempuan. Selain itu, kaum pemburu yang hidup di hutan berdoa kepada Tuhan untuk mendapatkan anak perempuan.
Berdoa untuk mendapatkan anak lelaki	<i>Akam-</i> 6: 1-5 <i>Puram-</i> 9:3-4, 270:6-9 <i>Maturai-</i> 601-610 <i>Patirru:</i> 74: 18-21	Kehadiran seorang anak lelaki dalam sesebuah keluarga diutamakan kerana anak lelaki tersebut dapat membawa kemasyuran kepada kedua-dua ibu bapanya.

b.Keperluan anak dalam keluarga		
Kesempurnaan hidup	<i>Puram-</i> 188: 6-7 <i>Kali-</i> 75: 28 <i>Akam-</i> 66:1-6, 184:1-4	Kehidupan berkeluarga hanya lengkap dengan kehadiran seseorang anak.
Satu kemestian	<i>Puram-</i> 9: 1-4, 188: 6-7 <i>Nar-</i> 269: 1-7 <i>Kali-</i> 50: 14	Kehadiran anak dalam keluarga dianggap sebagai satu kemestian dalam MTA. Oleh itu, ketiadaan anak dianggap sebagai satu malapetaka kepada keluarga tersebut.
Kebahagiaan kerana anak	<i>Puram-</i> 92: 1-3, 188: 1-7 <i>Akam-</i> 54:16-19, 184: 1-4, 66: 1-6, 219: 5-9, 16: 4-5 <i>Kali-</i> 80: 10-26, 83: 17-19, 81: 1-10 <i>Ain-</i> 309:1-5	Sesebuah keluarga yang kaya tidak dapat menikmati kebahagiaan yang sebenarnya jika tidak mempunyai anak. Tingkah laku comel anak-anak ketika makan, bertutur, berjalan dan sebagainya membawa kebahagiaan yang tidak terhingga. Kebahagiaan yang terhasil adalah untuk kehidupan di duniawi dan di akhirat.
Kegembiraan oleh anak	<i>Kali-</i> 80: 1-26, 81:1-10 <i>Nar-</i> 212, 221;11, 250:2-4, 269: 2 <i>Akam-</i> 16;3-4, 54, 66: 12 <i>Ain-</i> 401 410 <i>Puram-</i> 92: 1-3, 188: 3-5 <i>Kurun-</i> 397: 2	Gelagat anak berkomunikasi dengan ibu bapa dengan menggunakan bahasa kanak-kanak dapat membuat para ibu bapa berasa gembira. Seorang anak sentiasa mendahagakan kasih sayang daripada ibunya.
Perwatakan kanak-kanak	<i>Kurun-</i> 16: 3-5 <i>Puram-</i> 92: 1-3, 188: 1-4 <i>Ain-</i> 85: 3-5 <i>Nar-</i> 104: 1-6	Kanak-kanak digambarkan sebagai insan yang dapat membawa kebahagiaan yang tidak terhingga kerana kecantikan rupa paras, kenakalan, bahasa pertuturan dan bersifat berani.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat daripada KTK

4.3.2 Tempoh Penghamilan

Perkembangan otak seseorang anak berkait rapat dengan tempoh kehamilan seseorang ibu kerana otak seseorang anak mula berkembang semasa anak itu berada dalam

rahim lagi. Terdapat beberapa maklumat mengenai tempoh penghamilan dalam KTK yang dapat dimaktubkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 4.8: Tempoh Penghamilan

Ciri-ciri	Baris	Keterangan
Penjagaan diri	<i>Nar- 40:5-9</i>	Semasa mengandungkan anak, para wanita memakai 'aiyavi' dan minyak sapi untuk melembutkan kulit.
Tidak gentar	<i>Perum- 134-135</i>	Ada rujukkan bahawa wanita yang hamil tidak gentar dan takut kepada apa jua ancaman.
Ancaman ketakutan	<i>Perum- 134: 6</i> <i>Nar- 31: 9-11</i>	Perempuan mengandung takut kepada bunyi yang kuat dan kehadiran binatang buas.
Mengidam makanan	<i>Ain- 51:3</i> <i>Kurun- 287: 4</i> <i>Kali- 40:26-28</i>	Semasa mengandung, si wanita mempunyai keinginan besar untuk memakan asam.
Makanan yang dielakkan	<i>Nar- 116: 3-5</i>	Gambaran simbolik tentang makanan yang perlu dielakkan semasa mengandung anak supaya tidak berlaku keguguran.
Dampingan suami	<i>Ain- 51:1-4</i>	Seseorang wanita yang mengandung sentiasa ingin suaminya berada disampingnya.
Tidak meninggalkan isteri	<i>Ain-386:4, 361: 4-7</i> <i>Akam- 197:10</i> <i>Kali- 18: 7-12</i> <i>Nar- 16: 1-3, 314: 3-7</i> <i>Kurun- 287: 6</i>	Seseorang suami tidak akan meninggalkan isteri untuk mencari harta semasa isterinya mengandungkan anak. Faktor pencarian harta benda tidak diutamakan kerana mereka beranggapan apa gunanya harta benda jika tidak menikmati alam muda bersama isterinya.
Tanggungjawab suami	<i>Kurun- 287:6</i> <i>Nar- 263, 272</i> <i>Akam- 34, 72, 367</i> <i>Ain- 323, 51</i> <i>Kali- 40: 26-28</i> <i>Perum- 393-395</i>	Si suami akan bekerja keras untuk memenuhi apa sahaja permintaan isterinya yang sarat mengandung.
	<i>Ain- 51: 3-4</i> <i>Kurun- 287:4</i>	Wanita yang mengandung teringin makan buah asam. Sekiranya niat wanita tidak dikabulkan, maka anak yang bakal lahir akan mengalami kecacatan. Si suami perlu menyediakan segala barangan yang diidamkan oleh isterinya itu.

Tanggungjawab wanita	<i>Akam-</i> 184: 18-19 <i>Puram-</i> 312: 1 <i>Maturai-</i> 600	Tanggungjawab seseorang isteri ialah dapat melahirkan anak dengan selamat. Tindakan tersebut akan mengembirakan suaminya.
Penjagaan bayi dalam rahim	<i>Akam-</i> 21:16-23, 160:3-8 <i>Poru-</i> 185-186 <i>Puram-</i> 173: 6-8 <i>Kurun-</i> 38:1-3, 152:1-2	Gambaran simbolik bagaimana haiwan-haiwan menjaga telur dengan rapi supaya tidak dimusnahkan oleh anasir-anasir jahat menjelaskan bagaimana seorang perempuan mengandung perlu menjaga keselamatan dirinya.
Kesan gangguan emosi	<i>Puram-</i> 28: 1-6 <i>Akam-</i> 206: 2	Gangguan emosi yang dialami oleh wanita yang mengandung anak, akan mengakibatkan kelahiran anak cacat. Terdapat lapan jenis kecacatan yang mungkin menimpa seseorang anak yang baru lahir.
Upacara pemujaan	<i>Maturai-</i> 603-610	Wanita yang hamil meminta restu kepada Tuhan supaya dapat melahirkan anak dengan selamat dengan mengadakan pemujaan dan pengorbanan haiwan.
Anak dalam kandungan	<i>Perum-</i> 131	Keberanian Raja <i>Karikālan</i> dikaitkan dengan keadaan Raja <i>Karikālan</i> semasa dalam rahim ibunya yang digambarkan memiliki sifat keberanian seperti dewa <i>Murukan</i> .
Tindakan menggururkan anak	<i>Puram-</i> 24:1-2	Tindakan menggururkan anak dianggap sebagai satu tindakan berdosa.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat daripada KTK

4.3.3 Proses Kelahiran Dan Penjagaan Bayi MTA

Pemikiran Kebitaraan mengkaji proses kelahiran anak dan penjagaan bayi yang mengalami tumbesaran dari segi fizikal, mental dan rohani. MTA memberi penekanan kepada aspek-aspek amalan pemakanan, penjagaan kesihatan dan pemupukan nilai kasih sayang. Hal ini merupakan beberapa aspek yang dipentingkan dalam proses penjagaan bayi. Maklumat tersebut dapat dirangkumkan dalam jadual seperti berikut:

Jadual 4.9: Proses Kelahiran dan Penjagaan Anak

a. Proses Kelahiran		
Dampungan suami	<i>Kurun</i> – 287:6	Si suami perlu berada di sisi isteri semasa isteri hampir melahirkan anak.
Status wanita	<i>Akam</i> - 6:13-14, 184:18-19 <i>Puram</i> - 250: 8 <i>Nar</i> - 330: 8-11	Seseorang wanita diberi status tinggi apabila dapat melahirkan anak dan digelar sebagai ibu.
Panggilan ibu	<i>Ciru</i> - 192 <i>Perum</i> - 58, 304	Ibu yang melahirkan anak perempuan dikenali sebagai <i>Nannīrāṭṭi</i> atau <i>Makaṭū</i> .
Panggilan bayi	<i>Malai</i> - 64 <i>Ain</i> - 70, 403: 3 <i>Kali</i> - 81: 35 <i>Nar</i> - 40: 12	Bayi digelar sebagai <i>Cēy</i> , <i>Entai Peyarāṇ</i> , <i>Cirantōṇ Peyarōṇ</i> dan <i>Tantai Peyarōṇ</i>
Panggilan kanak-kanak	<i>Tiru</i> - 256-259, 271 <i>Puram</i> - 374: 9, 286, 191: 3, 291: 1, 342: 7 <i>Ain</i> - 151: 1 <i>Nar</i> - 120: 1, 171: 3	Kanak-kanak digelar sebagai <i>Cirāṇ</i> dan <i>Ḫaiyar</i> .
Penamaan anak	<i>Ain</i> - 403:3 <i>Kali</i> - 81: 35, 75: 23 <i>Nar</i> - 40:12	Anak lelaki dinamakan mengikut nama nisab bapa manakala anak perempuan mengikut nama nisab ibunya.
Panggilan anak perempuan	<i>Akam</i> - 6: 3-4	Anak perempuan dikenali dengan panggilan <i>Aiyai</i> .
Mewarisi ayah	<i>Kali</i> - 86: 11-24 <i>Puram</i> - 198: 14-18	Seseorang anak lelaki dikatakan mewarisi ayahnya dari segi rupa dan perwatakannya.
Kehadiran anak lelaki	<i>Puram</i> - 9: 3-4 <i>Patirru</i> - 70: 21-22	Kelahiran seseorang anak adalah penting untuk menjalankan upacara akhir iaitu ' <i>Nīr kaṭaṇ</i> ' bagi ibu bapanya.
	<i>Akam</i> - 54: 18-19, 26: 17-18, 66: 1-4 <i>Puram</i> - 250: 8 <i>Ain</i> - 410: 2-3	Anak lelaki dipuji dan dilihat sebagai pewaris keluarga. MTA mempunyai tanggapan bahawa hanya anak lelaki dapat membawa kebahagiaan di akhirat.
	<i>Puram</i> - 270: 6, 276: 3 <i>Nar</i> - 370: 5-6	Ibu yang melahirkan anak lelaki dipuji dan dihormati.
Kelahiran anak cacat	<i>Puram</i> - 28:1-5	Terdapat maklumat mengenai kelahiran anak dengan lapan jenis kecacatan iaitu, buta, bentuk badan yang tidak normal, bisu, pekak, paras rupa seperti haiwan dan kurang suiman yang tidak membawa apa-apa kebaikan kepada sesiapa.

b. Amalan Pemakanan		
Penyusuan susu ibu	<i>Nar-</i> 269:1-2, 355:1-2, 380:3-4 <i>Puram-</i> 44:6, 68:8-10, 278:1-9, 346:1, 379:15 <i>Ain-</i> 404:1, 402;1-2 <i>Akam-</i> 54:19 <i>Pattina-</i> 96 <i>Kali-</i> 83: 5 <i>Ain-</i> 404:1-2	Si ibu menyusukan anak yang baru lahir, dengan penuh kasih sayang. Anak yang baru lahir akan menangis untuk mendapatkan susu ibu. Ibu juga masih dapat menyusukan anak bagi tempoh masa yang lama.
	<i>Puram-</i> 68: 8-10 <i>Kali-</i> 99: 3-4	Ibu yang menyusukan anak diibaratkan dengan seorang raja yang menyediakan kebajikan kepada segala rakyatnya.
Layanan yang sama	<i>Puram-</i> 159: 6-9, 160: 14-15 <i>Kali-</i> 99: 3-4 <i>Nar-</i> 355:1-2 <i>Ain-</i> 128:1-3	Si ibu memastikan anaknya disusukan dengan susu ibu supaya dapat membesar dengan sihat walaupun hidup dalam serba kekurangan. Adakalanya si ibu menyusukan lebih daripada seorang anak pada masa yang sama.
Penyuapan makanan	<i>Akam-</i> 219: 6-7 <i>Kali</i> – 80: 19-20. 85: 28-33 <i>Puram-</i> 5: 11, 77:7-8, 160:18	Si ibu menjadikan bulan dan bintang sebagai objek yang dapat menarik perhatian anak dalam proses pemberian makanan. Si ibu juga meminta anak makan bahagian bagi ahli-ahli keluarga yang lain.
	<i>Puram-</i> 310: 1-2 <i>Nar-</i> 110: 1-4 <i>Akam-</i> 89: 19-20	Si ibu menggunakan kayu kecil untuk menakutkan anak ketika meyuapkan makanan.
	<i>Puram-</i> 4: 18	Seseorang anak akan berdegil supaya ibunya menyuapkan makanan kepadanya. Anak tersebut akan menangis dan tidak mahu makan jika ketiadaan ibu.
	<i>Akam-</i> 105:5-6 <i>Perum-</i> 251	Adakalanya anak disuapkan makanan oleh ibu angkat.
Amalan pemakanan	<i>Perum-</i> 222-224	Anak daripada keluarga kaya diberi makanan nasi beserta buah-buahan.
	<i>Perum-</i> 247-252 <i>Kurun-</i> 61: 1-3 <i>Pattina-</i> 24-25	Anak daripada keluarga yang kaya dipelihara dalam serba kemewahan dengan diberi makanan seimbang yang lengkap.

Makanan sampingan	<i>Perum- 226</i>	Kanak-kanak yang jemu makan nasi akan membuat 'aval' yang dihasilkan dengan menumbuk nasi dengan menggunakan alat penumbuk.
c. Penjagaan Kesihatan		
Penyediaan katil	<i>Puram- 82: 1-4</i>	Si suami menyediakan katil untuk isteri yang baru bersalin anak.
Kulit rusa	<i>Perum- 89-90</i>	Wanita yang baru melahirkan anak berbaring bersebelahan dengan anaknya di atas kulit rusa yang lembut.
Penjagaan kebersihan	<i>Akam- 86: 11</i> <i>Nar- 370: 2-3</i> <i>Patirru- 16: 3-4</i> <i>Malai- 253-254</i> <i>Maturai- 601-603</i>	Wanita yang baru bersalin, memakai bahan wangi, gelang dan mandi dalam kolam untuk membuang bau selepas bersalin. Tindakan tersebut dianggap dapat menghasilkan susu yang banyak.
Penyediaan kelengkapan	<i>Kurun- 8: 4-6</i>	Si suami akan menyediakan pelbagai kelengkapan kepada isterinya yang baru bersalin.
d. Pemeliharaan Anak		
Galakkan bermain	<i>Ain- 406: 1-2</i> <i>Kali- 80: 4-7, 83: 1-3</i>	Ibu bapa memberi galakkan untuk anak-anak bermain. Mereka berasa sangat gembira melihat anak-anak bermain.
Penjagaan anak	<i>Kali- 50: 13-14, 56: 11-12</i> <i>Puram- 5: 6-7</i> <i>Ain- 255:1, 256:1, 259:1, 260:1</i>	Anak perempuan dijaga dengan penuh kasih sayang. Penjagaan anak diibaratkan dengan seorang raja yang menyediakan kebajikan kepada segala rakyatnya.
Kebebasan anak perempuan	<i>Akam- 80: 5-6, 20: 1-2, 320: 1-4, 140: 7-8, 390: 8-9</i> <i>Nar- 324:1-3</i>	Ibu bapa memberi kebebasan kepada anak perempuan untuk bergerak bebas ke mana-mana dan tidak terkongkong duduk di rumah sahaja.
Larangan kepada anak perempuan	<i>Kurun- 161:1-7</i> <i>Nar- 149: 4-5, 150: 10-11, 253:4-5</i> <i>Akam- 7: 4-7</i>	Anak perempuan ditegah keluar pada waktu malam berseorangan.
Akil baligh	<i>Ain- 256:4</i>	Anak perempuan mencapai akil baligh dua tahun lebih awal daripada anak lelaki.
Kematangan anak perempuan	<i>Akam- 17: 9</i> <i>Nar- 66: 8-11, 110:11-13</i>	Anak perempuan dianggap lebih matang dari segi keintelektualan berbanding dengan anak lelaki.

Pengiktirafan terhadap pemeliharaan anak	<i>Nar- 8: 9-10</i>	Ibu mertua memuji anak mertua yang dididik sempurna oleh ibu kandungnya.
Ibu bapa menjadi teladan	<i>Ain- 384: 3-5</i>	Segala tingkah laku ibu bapa menjadi teladan atau 'role model' kerana nilai-nilai tersebut akan diwarisi oleh anak-anak.
Pemberian nasihat	<i>Ain- 98: 4</i>	Si ibu mendidik anak dengan menegur apabila melakukan kesalahan dengan memberi nasihat berguna supaya dapat membesar dengan sifat-sifat terpuji.
Semangat keberanian	<i>Puram- 86: 1-4, 279: 8-10, 286: 3-5</i>	Anak lelaki dididik dengan menanamkan sifat keberanian oleh ibu.
Penurunan ilmu	<i>Perum- 248</i> <i>Puram- 32: 8-20</i> <i>Nar- 207: 10-12</i>	Ibu bapa menurunkan ilmu kemahiran pekerjaan yang diwarisi kepada anak sejak kecil lagi.
Penjagaan rapi	<i>Puram- 5: 5-6, 230: 6-10, 4: 18-19, 379: 14-18</i> <i>Patirru- 6: 9</i>	Ibu bapa menjaga dan memelihara anak dengan baik ibaratkan raja menjaga rakyatnya.
Perkhawinan kanak-kanak	<i>Kurun- 379</i> <i>Akam- 17: 1-13</i>	Terdapat maklumat akan perkahwinan kanak-kanak.
Perkhawinan semula	<i>Ain- 292: 3-5</i>	Si suami berkhawin semula setelah kematian isterinya untuk menjaga anak. Seorang isteri tidak menghalang suaminya berkhawin kedua kerana ketiadaan anak hasil perkahwinan dengannya.
Kematian anak	<i>Puram- 74:1-2</i>	Mayat anak yang mati dalam usia muda atas sebab-sebab tertentu dikelar dengan pedang supaya ada meninggalkan kesan luka sebagai tanda berkorban dalam medan peperangan.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat daripada KTK

4.3.4 Sistem Pendidikan MTA

Salah satu bidang yang mempunyai perkaitan rapat dengan perkembangan otak semasa alam kanak-kanak ialah sistem pendidikan. Sistem pendidikan terdiri daripada pendidikan formal dan tidak formal. Walaupun, bukan semua kanak-kanak dapat menikmati sistem pendidikan yang lebih formal, namun pendidikan tidak formal yang diterima oleh mereka di rumah cukup untuk menjadikan mereka manusia yang sempurna. Sistem pendidikan formal melibatkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang lebih tersusun di mana terdapat kewujudan pendidik, tempat belajar dan beberapa kitab belajar. Maklumat tersebut dapat diperincikan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 4.10: Sistem Pendidikan MTA

a. Cara Belajar		
Pengajaran bahasa Tamil	<i>Pari-</i> 11: 87-88	Huruf bahasa Tamil diperkenalkan kepada pelajar baru. Mereka digelar sebagai <i>Maḷapulavar</i> .
Cinta terhadap bahasa ibunda	<i>Pari-</i> 9: 24-26 <i>Ciru-</i> 66	Penduduk Madurai arif dalam bahasa Tamil, bangga dengan bahasa ibunda dan sanggup menentang sebarang ancaman terhadap keutuhan bahasa Tamil.
Cara belajar	<i>Puram-</i> 183: 1-2	Seseorang yang ingin mendalami ilmu perlu membantu mengurangkan beban seorang guru. Pelajar dilarang menimbulkan kemarahan guru.
Kemahiran penyoalan	<i>Puram-</i> 237:5	Seseorang itu digesa menguasai kemahiran penyoalan untuk mendapatkan ilmu yang sebenar dalam sesuatu perkara.
Pusat pendidikan agama	<i>Maturai-</i> 468-474	Pusat pendidikan agama oleh golongan sami (<i>Antañar</i>) untuk pengajian kitab <i>Veda</i> .

	<i>Maturai-</i> 475-488 <i>Pattina-</i> 53-55	Terdapat pusat pendidikan agama Jaina dan Buddha.
Kewujudan kanak-kanak tidak terbelajar	<i>Akam-</i> 127: 15	Terdapat maklumat mengenai kewujudan kanak-kanak yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang selalu membuat sesuatu pekerjaan secara salah.
b. Kepentingan Ilmu		
Kesayangan ibu	<i>Puram-</i> 183: 3-4	Seseorang ibu yang mempunyai banyak anak, lebih suka mendampingi anaknya yang berpelajaran. Kasih sayang seseorang ibu akan berbeza mengikut tahap pendidikan anak. Si ibu berasa kecewa jika anak tersebut tidak menggunakan ilmu yang diperolehi dengan baik.
Mengharumkan nama	<i>Puram-</i> 137: 14-15	Anak membawa nama baik kepada bapa yang menjadikannya sebagai sarjana.
Berwajah muda	<i>Puram-</i> 191: 1-7	Penguasaan bidang keilmuan akan memastikan seseorang sentiasa kelihatan muda.
Penghormatan masyarakat	<i>Puram-</i> 183: 5-10, 191: 5-7	Seseorang yang berilmu dihormati dan diberi status yang tinggi dalam masyarakat walaupun berasal daripada keluarga berstatus rendah.
Pengiktirafan masyarakat	<i>Puram-</i> 183: 9-10	Status seseorang dalam masyarakat akan ditingkatkan dengan tahap pendidikan. Masyarakat kelas atasan MTA mendengar dan patuh kepada percakapan golongan ilmunan walaupun berasal daripada kumpulan berstatus rendah.
Kesenangan hidup	<i>Puram-</i> 47: 6-10	Penguasaan ilmu pengetahuan akan memastikan kehidupan menjadi lebih teratur. Seseorang yang berilmu dapat membawa kesenangan kepada dirinya dan juga kepada yang lain.
c. Pendidik		
Kewujudan golongan cerdik pandai	<i>Puram-</i> 57:1, 191:7, 246:1, 361: 4-5	Terdapat golongan cerdik pandai dalam kalangan MTA yang sentiasa menjadi pakar rujuk masyarakat. Golongan sarjana ini sentiasa membaca pelbagai kitab untuk mendapatkan ilmu.

Ganjaran kepada kaum pendidik	<i>Maturai-</i> 761-762 <i>Pattina-</i> 169-171 <i>Puram-</i> 183: 1- 3, 361: 4-5	Para pendidik menyampaikan ilmu yang mereka miliki kepada golongan muda dan mendapat ganjaran daripada masyarakat atas sumbangan mereka.
Bantuan daripada masyarakat	<i>Kurun-</i> 265: 3-4	Masyarakat sentiasa sedia membantu meringankan beban dan membuat apa sahaja pertolongan yang diperlukan oleh para sarjana.
Sifat pendidik	<i>Nar-</i> 233: 7-9, 327: 4-5, 116: 1-2, 72: 1-2 <i>Kurun-</i> 252: 6-8 <i>Patirru-</i> 15:26-27, 37: 2, 72:6-8 <i>Akam-</i> 112: 11-12 <i>Puram-</i> 361: 4-5	Para pendidik atau sarjana sentiasa membuat kerja-kerja kebaikan dan tidak membuat kerja-kerja yang terkutuk untuk memastikan segala perlakuan mereka adalah mengikut hukum-hukum moral yang sedia ada. Mereka memiliki ilmu yang cetek.
Bersikap sabar	<i>Patirru-</i> 15: 27-34	Seseorang pendidik perlu bersikap sabar dan tidak boleh bersikap terburu-buru apabila menghadapi sesuatu situasi. Mereka dapat mengawal segala pancaindra dengan baik.
Penghormatan masyarakat	<i>Patirru-</i> 70: 20-22 <i>Ciru-</i> 203-206 <i>Puram-</i> 183: 5-10, 191: 5-7 <i>Ain-</i> 390:1	Para sarjana dihormati oleh semua lapisan ahli masyarakat, termasuk Raja yang mendengar nasihat daripadanya. Para sarjana disembah dengan mengumpulkan sepuluh jari dan ucap ' <i>Vanakkam</i> '.
Menjadi teladan	<i>Nar-</i> 160: 1-2, 196: 4 <i>Akam-</i> 286: 8-13 <i>Puram-</i> 182: 1-7, 218: 6-7 <i>Patirru-</i> 15: 26-27	Para sarjana sentiasa menjaga tingkahlaku mereka supaya ia menjadi teladan kepada anak murid dan masyarakat. Mereka selalu didampingi oleh kumpulan sarjana.

d.Kitab-Kitab Ilmu

Kitab Masakan	<i>Ciru-</i> 239-241	Terdapat kitab masakan yang menjelaskan cara menyediakan masakan untuk <i>Pīman</i> oleh <i>Arcuṇaṇ</i> .
Kitab Pembinaan	<i>Nedu-</i> 76-78 <i>Pattina-</i> 49-50	Kitab yang menjelaskan cara-cara pembinaan rumah dan istana. Tukang rumah membuat rumah bersaiz kecil ke bersaiz besar berdasarkan buku pembinaan tersebut.

Kitab Rompakkan	<i>Maturai-</i> 645-647	Kitab yang menceritakan cara-cara melakukan rompakkan dan cara mengesan perompak yang digelar <i>Karavāta nūl</i> .
Kitab Sistem pentadbiran	<i>Maturai-</i> 191-192	Kitab menjelaskan tentang sistem pentadbiran negara kepada raja dan pegawai-pegawai kerajaan.
Kitab falsafah moral	<i>Puram-</i> 34: 1-8, 192: 9-11	Kitab yang menjelaskan akan falsafah moral dan konsep <i>dharma</i> .
Kitab menjinakkan gajah dan kuda	<i>Akam-</i> 400: 5-16 <i>Perum-</i> 487-488	Kitab yang mengajar cara menjinakkan gajah dan kuda.
Kitab undang-undang	<i>Puram-</i> 10: 4-6	Kitab undang-undang yang jadi panduan kepada raja untuk menjalankan hukuman berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan oleh seseorang pesalah.

4.3.5 Nilai Murni Yang Diterapkan

Terdapat maklumat mengenai nilai-nilai murni yang diterapkan kepada kanak-kanak dan orang dewasa dalam puisi-puisi KTK. Nilai-nilai murni tersebut dimaktubkan dalam bentuk nasihat. Nilai murni tersebut ada yang membicarakan perkara-perkara positif iaitu perkara-perkara yang perlu diikuti dan perkara-perkara negatif yang melarang daripada melakukannya. Antara nilai-nilai murni yang dimuatkan dapat dilihat seperti berikut:

Jadual 4.11: Nilai Murni Yang diterapkan Kepada Kanak-Kanak

a. Nilai-Nilai Positif		
Penerapan nilai keberanian	<i>Puram-</i> 74:1-2, 86: 4-6, 89:5, 310: 1-8	Anak-anak sejak kecil lagi diterapkan dengan nilai keberanian, sehigga mereka sentiasa bersedia untuk mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman musuh.

	<i>Puram- 278: 1-9</i>	Seorang ibu bersumpah akan memotong kedua-dua payu darahnya yang menyusukan anak jika mendapati anaknya terkorban kerana lari sebagai pengecut di medan peperangan.
	<i>Puram- 1-10</i>	Seorang ibu sanggup menghantar anak tunggalnya ke medan peperangan, walaupun baru kehilangan ayah dan suaminya dalam pertempuran.
Menghormati orang tua	<i>Patirru- 79:3, 70: 20-22</i> <i>Ciru- 23</i>	Orang tua perlu dihormati. Seseorang perlu ucap ' <i>Vaṇakkam</i> ' sambil mengumpul sepuluh jari.
Penjagaan tingkah laku yang baik	<i>Kurinchi- 13-18</i> <i>Akam- 304: 19</i> <i>Puram- 187: 1-4, 214: 1-2, 399: 19</i> <i>Kali- 133: 6-14</i> <i>Nar- 110: 11-13</i>	Seseorang perlu sentiasa menjaga tingkahlaku baik supaya dapat dihormati oleh masyarakat. Seseorang yang melanggar peraturan ini akan dihina dan dipulaukan oleh masyarakat. Oleh itu, kehidupan seseorang itu ditentukan dengan perlakuan dan bukan ditentukan oleh faktor persekitaran.
Pencarian kawan	<i>Nar- 32: 5-9</i> <i>Puram- 218: 6-7</i>	Seseorang diminta membuat semakan terhadap tingkahlaku seseorang sebelum menerimanya sebagai kawan. Selepas menerima persahabatan, dia tidak boleh meninggalkannya untuk apa jua alasan.
Bersikap sabar	<i>Kali- 32: 8</i> <i>Patirru- 15: 29</i>	Seseorang perlu bersikap sabar dan tidak boleh bersikap terburu-buru apabila menghadapi sesuatu situasi.
Bercakap benar	<i>Ain- 287: 3-4, 472: 3-5</i> <i>Nar- 310: 10-11, 283: 6-8, 1: 1, 289: 2- 3</i> <i>Kurun- 259: 6-8, 392: 2</i> <i>Akam- 3: 14, 349: 3- 4</i> <i>Patirru- 15: 26-27, 58: 9, 63: 6-7, 70: 12</i> <i>Maturai- 19-20</i>	Seseorang yang bercakap benar tidak perlu berasa takut dan boleh bersifat berani kerana bercakap benar. Perbuatan bercakap bohong dianggap sebagai satu perbuatan keji dan seseorang tidak digalakkan untuk bercakap bohong walaupun untuk suka-suka.
Bertutur kata baik	<i>Nar- 28: 3-4</i> <i>Kurunchi- 138</i> <i>Patirru- 63: 1-2</i>	Seseorang perlu bertutur kata umpama kata tutur seorang ibu, yang sedap didengar dan tidak boleh bercakap kasar seperti seorang perompak.

Berusaha keras mencari harta	<i>Nar-</i> 24: 9-10, 24: 8-9 <i>Kurun-</i> 135: 1 <i>Akam-</i> 75: 1-2, 69: 5-12, 93: 1-3, 245: 1-2 <i>Puram-</i> 190: 1-10 <i>Patirru-</i> 70: 1-5	Tugas seseorang lelaki ialah mencari harta benda dengan mengikis sikap kemalasan. Dengan harta benda yang dikumpul dia boleh membantu sanak saudaranya dan dapat memastikan musuh tunduk kepadanya. Usaha keras dapat memastikan kehidupan yang baik.
Berfikir dahulu sebelum mengambil tindakan	<i>Puram-</i> 10: 2-4, 187: 1-4 <i>Akam-</i> 268: 13-14	Seseorang perlu berfikir dengan matang sebelum membuat sebarang tindakan. Tindakan ini dapat mencegah daripada mendapat malu besar jika tindakannya menemui kegagalan.
Hidup dalam kemasyuran	<i>Puram-</i> 29: 25-26, 359: 10-18, 396: 28-31	Objektif dalam kehidupan duniawi ialah mencari kemashyuran dengan mengamalkan sifat menderma khasnya kepada sanak saudara dan masyarakat sekelilingnya.
Hidup dalam kemegahan	<i>Nar-</i> 214: 1-2 <i>Patirru-</i> 82: 12-16 <i>Puram-</i> 346: 3	Kemenangan dalam peperangan dan nilai kemashyuran yang diperolehi akibat sifat-sifat terpuji akan menanamkan sikap kemegahan. Sifat kemegahan tersebut dapat menaikkan imej sesuatu keluarga.
Semangat berkongsi	<i>Patirru-</i> 38: 13-16 <i>Puram-</i> 46: 3-4, 182 <i>Nar-</i> 186: 8, 210: 5-9 <i>Kali-</i> 139: 1-4	Seseorang perlu mengamalkan semangat berkongsi dengan semua orang. Dia tidak boleh mementingkan diri sebaliknya mengutamakan kebaikan dunia sejagat.
Bersedia menerima kenyataan	<i>Puram-</i> 29: 22-24, 159: 1-5, 192: 10, 194: 5-7, 165: 1-2, 360: 1-11, 366: 1-5 <i>Nar-</i> 314: 1-2, 46: 1-2, 93: 10-12 <i>Kali-</i> 12: 15, 20: 9, 17: 11-12, 20: 13, 17: 15-16, 12: 12-19, 38: 18, 21: 10-11 <i>Akam-</i> 353: 2-6 <i>Poru-</i> 176 <i>Peru-</i> 466 <i>Maturai-</i> 234: 237	Segala benda dan objek yang berada dalam dunia adalah bersifat tidak kekal dan akan lenyap satu hari nanti. Ini termasuklah kehidupan seseorang, harta benda, dan alam muda. Oleh itu, seseorang perlu bersedia untuk hari tua dan hari kematiannya.

Konsep <i>Karma</i>	<i>Puram</i> - 176: 7-8, 192: 8-11, 194: 6-7, 236: 10-12 <i>Kurun</i> - 366: 11-12, 229: 5-7 <i>Ain</i> - 110: 5, 376: 5-6 <i>Akam</i> - 325: 22	MTA mempercayai kehidupan manusia yang bersifat kebaikan atau pun keburukan berdasarkan konsep <i>karma</i> yang pernah dibuat pada kelahiran terdahulu.
Konsep sejagat	<i>Puram</i> - 192: 1-2	Semua manusia dianggap sebagai sebahagian daripada masyarakat. Mereka tidak terbatas kepada sempadan negara, bahasa, dan agama.
Menyambut tetamu	<i>Nar</i> - 142, 380, 81: 6-9, 374: 7-8, 41: 6-10 <i>Malai</i> - 167, 185 <i>Puram</i> - 331: 7-10 <i>Kali</i> - 8: 21-22	Perbuatan menyambut tetamu dengan mesra dan menyediakan makanan kepada mereka adalah amalan penting dalam budaya MTA.
Perbuatan menderma	<i>Pari</i> - 10: 87-88 <i>Puram</i> - 29: 20-26, 72: 17-19, 165: 3-5, 189: 7-8, 134: 1-4, 196: 1-8, 180: 1-2, 366: 17-18, 22: 31-33, 101: 1-3, 171: 1-5, 208: 6-9, 137: 14-15 <i>Patirru</i> - 20: 21-27, 6: 16-20 <i>Kali</i> - 2 :11-19, 14: 14-15, 27: 1-2, 32: 11, 35: 1-2, 61: 11-12 <i>Akam</i> - 53: 13-16, 69: 5-6, 276: 13-15, 389: 11-13 <i>Malai</i> - 558, 560, 580-581 <i>Ciru</i> - 192 <i>Malai</i> - 185 <i>Perum</i> - 478-479	Perbuatan menderma kepada orang yang memerlukan digalakkan kerana ia dianggap sebagai perbuatan terpuji. Seseorang itu perlu menderma hartanya yang bersifat tidak kekal kepada orang lain tanpa mengharapkan sebarang balasan. Para ibu mendidik anak mereka supaya sentiasa mengamalkan sikap suka menderma seperti menyediakan makanan kepada orang yang serba kekurangan.
Pemujaan terhadap Tuhan	<i>Maturai</i> - 461-466 <i>Pari</i> - 8:125-126, 17:35-39, 17:51-54, 18:55-56, 19:104-105, 21:69-70	Anak-anak dibawa bersama ibu bapa ke tempat ibadat untuk mengadakan upacara sembahyang.
b.Nilai-Nilai Negatif		
Bercakap buruk	<i>Malai</i> - 77-80 <i>Kali</i> - 43:18-19	Perbuatan bercakap buruk tentang orang lain termasuk musuh, dianggap sebagai perbuatan keji.
Menjadi saksi palsu	<i>Kali</i> - 34: 9-11, 125: 3-4 <i>Nar</i> - 196: 9	Perbuatan bercakap bohong kerana semata-mata menjadi saksi palsu merupakan salah satu perbuatan terkutuk.

Lupa pertolongan	<i>Puram-</i> 34: 5-7 <i>Kurun-</i> 115: 1 <i>Kali-</i> 34: 4-5, 149: 4-12 <i>Nar-</i> 216: 3-4	Perbuatan melupakan pertolongan orang lain dianggap sebagai dosa besar. Seseorang perlu mencari peluang untuk menolong semula orang yang pernah menolongnya.
Membuat keburukan	<i>Kali-</i> 62: 7-8 <i>Puram-</i> 195: 6-9	Perbuatan membuat keburukan kepada orang lain, semata-mata untuk mendapatkan kebaikan kepada diri sendiri dianggap sebagai perbuatan terkutuk.
Kehidupan dalam serba kekurangan	<i>Kurun-</i> 63: 1, 120: 1, 295: 4, 283: 1-2 <i>Akam-</i> 151: 1-3 <i>Kali-</i> 10: 1	Seseorang tidak digalakkan untuk hidup dalam serba kekurangan kerana keadaan tersebut menyebabkan seseorang terpaksa bergantung kepada ihsan dan simpati orang lain.
Sikap Kemalasan	<i>Nar-</i> 252: 4, 214: 1-2 <i>Akam-</i> 173: 1-3, 231: 1-3, 279: 1-3 <i>Puram-</i> 182: 3 <i>Patirru-</i> 70: 1	Seseorang yang bersikap malas tidak dapat maju dalam kehidupan. Sikap kemalasan menjadi penyebab untuk hidup dalam kemiskinan.
Perbuatan mengemis	<i>Puram-</i> 154: 8-9, 204: 1-2 <i>Kali-</i> 61: 2-6, 47: 1-2	Perbuatan mengemis dianggap sebagai perbuatan terhina yang boleh menjatuhkan maruah seseorang.
Perbuatan keji	<i>Puram-</i> 9: 1-4, 34: 1-3, 195: 6-9 <i>Patirru-</i> 22: 1-4	Kanak-kanak yang melakukan perbuatan keji dikutuk oleh masyarakat. Antara perbuatan yang ditegah ialah bercakap bohong, menunjukkan kemarahan, menunjukkan sifat penakut dan mempunyai keinginan yang melampaui batas.
Amalan pelacuran, minum arak dan berjudi	<i>Puram-</i> 73: 11-14 <i>Kali-</i> 147: 1-3, 136: 3-4	Perbuatan pelacuran, minum arak dan berjudi dianggap sebagai perbuatan terkutuk yang perlu dielakkan oleh masyarakat.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat daripada KTK

4.3.6 Permainan Kanak-Kanak MTA

Pembentukan otak seseorang kanak-kanak berkait rapat dengan perkembangan jasmani yang dapat diterapkan melalui aktiviti permainan. Kebanyakan maklumat-maklumat mengenai aktiviti permainan MTA dapat di kesan dalam teks *Paripāṭal*, *Aiṅkurunūrū*, *Akanūrū*, *Puṛanūrū* dan *Kalittokai*. Puisi-puisi KTK ada memuatkan maklumat mengenai amalan permainan kanak-kanak. Terdapat permainan khusus untuk kanak-kanak lelaki, perempuan dan permainan yang dimainkan secara bersama oleh kedua-dua jantina. Kebanyakan permainan ini dimainkan di tempat kediaman, tepi pantai, sungai dan tempat kerja ibu bapa. Secara umumnya permainan MTA dapat dikategorikan seperti permainan pergerakan anggota badan, permainan penggunaan pancaindera dan permainan penggunaan keintektualan, atau gabungan ketiga-tiga unsur. Maklumat-maklumat tersebut dapat dirangkumkan dalam jadual dibawah seperti berikut:-

Jadual 4.12: Jenis-Jenis Permainan Kanak-Kanak MTA

a. Penggunaan Anggota Badan			
Jenis Permainan	Keterangan	Baris	Golongan kanak-kanak
<i>Alavaṇ āṭal</i>	Kanak-kanak yang berada di kawasan pantai bermain mengejar dan menangkap ketam.	<i>Pattina</i> - 100-101 <i>Nar</i> - 123:6, 363:10 <i>Kurun</i> - 303: 7, 401: 3-4 <i>Patiiru</i> - 51: 7-8 <i>Kali</i> - 85: 6, 131- 18, 136: 2-3, 146: 23 <i>Akam</i> - 280: 2-3 <i>Puram</i> - 176: 1	Lelaki dan perempuan
<i>Ulāval</i>	Sejenis permainan yang memerlukan seseorang berjalan secara selamba.	<i>Maturai</i> - 446-452	Lelaki dan perempuan
<i>Ūcal</i>	Kanak-kanak yang tinggal di kawasan pergunungan bermain ayunan pada waktu lapang mereka. Tali buaian dipasang pada pokok <i>Vēmpu</i> .	<i>Poru</i> - 30 <i>Kali</i> - 37: 13-15, 131: 11 <i>Nar</i> - 90: 6-11, 162: 9 <i>Akam</i> - 20:6, 38:7-8, 68:6	Perempuan
<i>Kavaṇ</i>	Kanak-kanak bermain dengan alat-alat permainan berbentuk senjata.	<i>Pattina</i> - 72-73 <i>Kurun</i> - 54:2 <i>Akam</i> - 292: 11, 309: 13, 392: 15	Perempuan
<i>Kalaṅku</i>	Permainan <i>Kalaṅku</i> ialah sejenis permainan membuang dan menangkap biji-bijian dan mutiara. Dalam permainan ini, biji-bijian dibuang ke atas dan di tangkap dengan tangan yang lain. Kanak-kanak yang berasal daripada keluarga kaya menggantikan bijian tersebut dengan bijian emas.	<i>Perum</i> - 225, 335 <i>Nar</i> - 47: 8, 79: 2-3, 305 <i>Patirru</i> - 15: 5 <i>Pari</i> - 8: 106-107 <i>Akam</i> - 17: 2, 49: 1, 66: 24 <i>Puram</i> - 36: 3-4	Perempuan

<i>Kutiraiyērramum</i> <i>Yānaiyērramum</i>	Kanak-kanak belajar bermain menaiki gajah dan kuda.	<i>Akam-</i> 1: 2, 14: 18, 173, 334, 241, 17 <i>Kurun-</i> 385: 3, 396 <i>Ain-</i> 377	Lelaki
<i>Kuravai</i>	Kanak-kanak perempuan daripada keluarga nelayan membuat tarian <i>kuravai</i> dalam bentuk permainan. Mereka menari di atas timbunan pasir.	<i>Tiru-</i> 197 <i>Maturai-</i> 97, 615 <i>Malai-</i> 320-322 <i>Nar-</i> 276: 10 <i>Patirru-</i> 73: 7 <i>Kali-</i> 39: 28-29, 102: 35, 104: 69 <i>Akam-</i> 232: 10 <i>Puram-</i> 22: 22, 24: 4-9	Perempuan
<i>Kurumpu vilaiyāṭṭu</i>	Kanak-kanak sengaja membuat kenakalan sebagai satu jenis permainan untuk membuat seseorang gembira.	<i>Patirru-</i> 71: 6-7 <i>Kali-</i> 51: 1-4 <i>Nar-</i> 100: 3-5 <i>Akam-</i> 356: 5-7	Lelaki
<i>Ciru cōru</i>	Kanak-kanak bermain masak-memasak.	<i>Puram-</i> 235: 4 <i>Akam-</i> 110:7	Kanak-kanak perempuan
<i>Ciru tēr</i>	Kanak-kanak bermain menarik kenderaan rata kecil yang dikenali sebagai <i>uruḷ</i> , <i>cakaṭam</i> dan <i>tēr</i> .	<i>Pattina-</i> 24-25 <i>Perum-</i> 249 <i>Kali-</i> 80, 81: 7-8, 86 <i>Kurun-</i> 61: 2-3 <i>Ain-</i> 403: 3-5 <i>Akam-</i> 16:6 <i>Ciru-</i> 56	Kanak-kanak lelaki
<i>Ceṭi koṭi vaḷarppu</i>	Kanak-kanak menjadikan proses penanaman dan pemeliharaan pokok bunga sebagai satu bentuk permainan.	<i>Akam-</i> 165: 8-12, 259: 13-15, 275: 1-3 <i>Nar-</i> 172: 1-3, 179: 1-6	Perempuan

<i>Pantu viḷaiyāṭṭu</i>	Permainan bola dimainkan oleh kanak-kanak lelaki dan perempuan, tetapi dimainkan secara berasingan. Mereka menggunakan anggota badan iaitu kaki dan tangan untuk bermain bola. Permainan dimainkan di halaman rumah, di tebing sungai dan di air sungai.	<i>Tiru-</i> 68 <i>Perum-</i> 333 <i>Nar-</i> 12: 6, 140: 6-7, 179: 2, 324: 3-7 <i>Kurun-</i> 396: 1 <i>Kali-</i> 51: 3-4, 57: 7 <i>Puram-</i> 33: 13 <i>Akam-</i> 17: 1, 49: 1, 105: 9 <i>Ain-</i> 295: 4-5, 377: 3-4 <i>Pari-</i> 9: 47, 10: 107-108	Lelaki dan perempuan
<i>Paṛavai vilāṅku vaḷarttalum viḷaiyāṭalum</i>	Pemeliharaan burung dan haiwan oleh kanak-kanak dianggap sebagai satu bentuk permainan. Kanak-kanak menghabiskan masa lapang dengan bermain bersama dengan peliharaan tersebut.	<i>Perum-</i> 52 <i>Kurun-</i> 305: 5-8 <i>Nar-</i> 277: 9 <i>Kali-</i> 22: 7 <i>Ain-</i> 375: 1-3	Perempuan
<i>Puḷ ṓṭṭal</i>	Kanak-kanak yang membantu ibu bapa di kawasan pertanian, bermain permainan menakut dan menghalau burung yang singgah di kawasan pertanian mereka.	<i>Kurinchi-</i> 101-102, 38-39 <i>Akam-</i> 388, 20	Perempuan
<i>Maṇarkuviyalil maṛaintāṭutal</i>	Kanak-kanak bermain sembunyi di timbunan pasir.	<i>Nar-</i> 172: 1 <i>Ain-</i> 181: 2-3	Perempuan
<i>Malar viḷaiyāṭṭu (malar koytalum mālai toṭuttalum)</i>	Kanak-kanak menjadikan proses memetik dan membuat kalungan bunga sebagai sejenis permainan.	<i>Pattina-</i> 91 <i>Perum-</i> 216 <i>Kurun-</i> 26: 3, 311: 6 <i>Patirru-</i> 29: 2 <i>Ain-</i> 216: 3 <i>Nar-</i> 349: 2-3 <i>Maturai-</i> 297 <i>Pari-</i> 11: 93-102	Perempuan

b. Penggunaan Pancaindera			
<i>Ampuli kāṭṭal</i>	Sejenis permainan yang mengajak bulan turun ke bumi dengan mengatakan kata-kata indah.	<i>Kali-</i> 80: 18-10	Lelaki dan perempuan
<i>Eṇṇi viḷaiyāṭal</i>	Permainan mengira objek dan benda yang terdapat di sekeliling.	<i>Nar-</i> 331: 1-8 <i>Puram-</i> 116: 6-8 <i>Pattina-</i> 111-112	Perempuan
<i>Etiroli kēṭṭal</i>	Permainan menjerit dengan kuat bagi mendengar bunyi gema yang terhasil.	<i>Kali-</i> 46: 25-26 <i>Pari-</i> 2: 36-37	Perempuan
<i>Kuravai viḷaiyāṭṭu</i> (<i>kaṇ putaittu viḷaiyāṭal</i>)	Kanak-kanak bermain menutup mata dengan mengikat kain bagi mengejar mencari kawan-kawan yang berada di hadapan mereka. Permainan ini sering langsung di kawasan <i>Neythal</i> .	<i>Ain-</i> 293: 2 <i>Malai-</i> 221	Perempuan
<i>Paravaikaḷaik kāṇalum avai pōl ceytalum</i>	Permainan melakonkan semula gerak-geri burung.	<i>Pari-</i> 9: 63-66	Lelaki dan perempuan
<i>Poy viḷaiyāṭṭu</i>	Permainan ini digelar sebagai permainan tipu kerana kanak-kanak akan melakonkan semula sesuatu situasi berdasarkan watak-watak tertentu. Mereka berlagak seperti menjalani kehidupan berkeluarga seperti orang dewasa.	<i>Pari-</i> 11: 88-89 <i>Maturai-</i> 589 <i>Ain-</i> 181 <i>Kali-</i> 59 <i>Akam-</i> 26, 156	Lelaki dan perempuan

c. Penggunaan Keintelektulan

Jenis Permainan	Keterangan	Baris	Golongan kanak-kanak
<i>Acattiyāṭal</i>	Kanak-kanak berbual dan berkongsi jenaka semasa waktu lapang mereka.	<i>Kali-</i> 94: 13-16, 22-28	Lelaki dan perempuan
<i>Cama viḷaiyāṭṭu</i>	Permainan memanggil nama timangan terhadap sesama sendiri.	<i>Pari-</i> 10: 104	Lelaki dan perempuan
<i>Cirril ceṭtal</i>	Permainan ini dikenali sebagai <i>Vaṇṭal</i> ataupun <i>Cirril</i> dan dimainkan di kawasan pantai. Kanak-kanak membina pelbagai replika dengan menggunakan pasir	<i>Nar-</i> 123: 8, 68: 1, 9: 8-9 <i>Kali-</i> 51: 1-2, 111: 9-10, 114: 15, 142: 25 <i>Akam-</i> 394: 9, 370: 1-2, 49, 60, 240 <i>Puram-</i> 86: 1, 176: 1 <i>Pari-</i> 7: 25-26 <i>Kurun-</i> 326: 2-3 <i>Ain-</i> 69: 3-4	Perempuan
<i>Maṇal viḷaiyāṭṭu</i>	Kanak-kanak membina istana pasir ditebing sungai dan membuat lukisan atas tanah pasir.	<i>Pari-</i> 7: 25-26 <i>Kurun-</i> 326: 2-3 <i>Puram-</i> 176: 1 <i>Nar-</i> 68: 1, 9: 8-9 <i>Akam-</i> 370: 1-2, 49, 60, 240	Perempuan
<i>Pāvai viḷaiyāṭṭu</i>	Kanak-kanak bermain dengan patung yang adakalanya diperbuat daripada tanah liat dan kayu di tebing sungai atau di permukaan air.	<i>Maturai-</i> 410, 723 <i>Nedu-</i> 101 <i>Pattina-</i> 102 <i>Kurun-</i> 49: 1, 114: 1 <i>Patirru-</i> 61: 3-4 <i>Ain-</i> 7: 25-26 <i>Puram-</i> 283: 10 <i>Pari-</i> 102-104	Perempuan

<i>Pāvai puṇaital</i>	Permainan patung iaitu membuat perhiasan kepada patung.	<i>Puram</i> - 33: 16-17 <i>Kali</i> - 56: 7, 28, 76 <i>Ain</i> - 128, 344, 375, 383 <i>Kurun</i> - 48, 276, 114 <i>Akam</i> - 330, 165	Perempuan
<i>Pici noṭi viḷaiyāṭṭu</i>	Kanak-kanak bermain bercerita dengan menyampaikan teka-teki.	<i>Perum</i> - 457-49	Perempuan
d. Gabungan Ketiga-Tiga Unsur			
<i>Vil viḷaiyāṭṭu</i>	Kanak-kanak belajar bermain anak panah dengan meletakkan sesuatu sasaran.	<i>Kurinchi</i> - 123-124 <i>Patirru</i> - 33: 8-9, 45: 2-3 <i>Pari</i> - 18: 40 <i>Akam</i> - 67: 5-6, 82: 11 <i>Puram</i> - 3: 20-21, 23: 5, 324: 5-6, 76:4	Lelaki
<i>Cīru parai</i>	Kanak-kanak bermain gendang kecil.	<i>Malai</i> - 321 <i>Nar</i> - 104: 5 <i>Kurun</i> - 375: 4	Lelaki
<i>Vēṭṭai viḷaiyāṭṭu</i>	Kanak-kanak bermain memburu.	<i>Puram</i> - 152: 6, 152: 24 <i>Nar</i> - 189: 7, 59: 3 <i>Kurun</i> - 258: 5, 56: 1 <i>Nedu</i> - 128-129	Lelaki

e. Permainan Air		
Permainan di tapak air terjun	<i>Kurinchi</i> - 54-58	Perempuan
Permainan ombak di laut	<i>Kurun</i> - 144: 2 <i>Akam</i> - 20: 8 <i>Nar</i> - 395	Perempuan
Permainan di sungai	<i>Kurun</i> - 80: 1-3 <i>Akam</i> - 376: 6 <i>Puram</i> - 243: 1-2 <i>Ain</i> - 71; 2-5, 73: 1-4, 74: 4, 75: 4, 76: 3, 77:3, 78: 4, 79:1, 80:3 <i>Patirru</i> - 22: 29	Perempuan
<i>Puṇalāṭṭu</i> (Bermain air)	<i>Pari</i> - 16: 5-21, 10: 19-40, 11: 80-92, 20: 16-22, 53-58, 96-97, 100-101 <i>Ain</i> - 73-74, 100, 84: 3-5 <i>Nar</i> - 53, 68, 339, 358, 80: 4-8, 22: 6-7 <i>Akam</i> - 201 <i>Puram</i> - 63 <i>Kurun</i> - 168: 5	Lelaki dan perempuan

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat daripada KTK

Selain jenis-jenis permainan yang tersebut di atas, terdapat maklumat mengenai kewujudan beberapa alat mainan kanak-kanak. Maklumat tersebut dapat dimaktubkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 4.13: Alat-Alat Permainan Kanak-Kanak MTA

Ciri-ciri	Baris	Keterangan
Patung permainan kayu	<i>Kali</i> - 80: 4-9, 86: 7	Patung berupa gajah yang diperbuat daripada kayu digunakan oleh anak-anak kecil untuk bermain.
Kereta rata beroda mainan	<i>Kali</i> - 80:6-7, 81: 8 <i>Pattina</i> - 24-25 <i>Kurun</i> - 61: 1-3 <i>Pari</i> - 6: 35 <i>Ain</i> - 403: 3-5	Penciptaan kenderaan rata beroda tiga untuk anak-anak kecil belajar berjalan. Kanak-kanak membuat sendiri kereta roda kecil dan menariknya dalam keadaan berlari.
Patung pasir	<i>Puram</i> - 243: 1-2	Kanak-kanak membuat patung pasir sebagai hobi.
Patung rumput dan logam	<i>Puram</i> - 33: 16-17 <i>Nar</i> - 68: 1	Terdapat patung yang diperbuat daripada rumput dan logam yang digunakan untuk bermain oleh kanak-kanak.
Permainan <i>Kalañku</i>	<i>Perum</i> - 225, 335 <i>Puram</i> - 36: 3-4 <i>Akam</i> - 173, 334, 241, 17 <i>Nar</i> - 305 <i>Kurun</i> - 396 <i>Ain</i> - 377	Permainan <i>Kalañku</i> yang menggunakan bijian dimainkan oleh anak-anak perempuan. Adakalanya kanak-kanak menggunakan bijian yang diperbuat daripada emas.
Permainan <i>Kilukiluppu</i>	<i>Ciru</i> - 61-62	Kanak-kanak bermain alat berbunyi yang dikenali sebagai <i>Kilukiluppu</i> yang berisi mutiara bersama anak monyet yang dipelihara di rumah.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat daripada KTK

4.3.7 Tanggungjawab Anak

Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak dalam MTA didedahkan dengan pelbagai tanggungjawab sejak kecil lagi. Tanggungjawab tersebut mula diperkenalkan pada

peringkat keluarga dan negara iaitu membantu ibubapa dalam alam pekerjaan sehinggalah menghulurkan bantuan di medan peperangan. Maklumat tersebut dapat diperturunkan dalam bentuk jadual seperti berikut:-

Jadual 4.14: Tanggungjawab Anak Dalam Keluarga

Ciri-ciri	Baris	Keterangan
Membantu ibu bapa di alam pekerjaan	<i>Puram-</i> 32:7-9, 206:11-12, 324: 3-9, 320:8-9, 322:4-6, 327:1-2 <i>Nar-</i> 45:1-3, 80:1-2, 389:1-5, 266:3 <i>Akam-</i> 20:1-10, 140:5-7, 206: 5, 290:1-8, 387:4-7, 399: 11- 12 <i>Perum-</i> 268-271 <i>Ciru-</i> 34-37 <i>Malai-</i> 253-255 <i>Kurun-</i> 221: 2-4, 241: 3-6 <i>Nedu-</i> 49 <i>Maturai-</i> 522 <i>Kali-</i> 111: 1-6	Kanak-kanak dilibatkan dalam alam pekerjaan bersama ibu bapa mereka supaya ilmu tentang alam pekerjaan diwarisi oleh ahli keluarga mereka. Kanak-kanak terlibat dalam urusan perdagangan hasil tenusu, pembuatan bahan seramik, perternakan haiwan, pemburuan, perikanan dan sebagainya.
	<i>Nar-</i> 392: 1-4 <i>Akam-</i> 30: 4	Anak nelayan membantu ayahnya di laut dan di pantai dalam proses penangkapan ikan.
Mengharumkan nama keluarga	<i>Puram-</i> 137: 14-15 <i>Akam-</i> 66: 1-4	Tanggungjawab seorang anak ialah memastikan dapat mengharumkan nama kedua ibu bapa dengan menjaga perlakuannya.
Membantu kerja rumah	<i>Kurun-</i> 365: 1-3, 361 <i>Perum-</i> 97-98 <i>Akam-</i> 60: 3-5	Kanak-kanak perempuan membantu ibu dengan membuat kerja-kerja rumah. Antara kerja-kerja rumah yang dilakukan ialah membawa air, berkebun, mengumpul makanan, memasak dan menghidangkan makanan kepada ibu bapa
Membunuh gajah	<i>Puram-</i> 312: 6	Tanggungjawab seseorang anak ialah membunuh gajah di medan peperangan.
Sumber tentera	<i>Puram-</i> 9: 1-6, 286: 3-5 <i>Patirru-</i> 57: 10-11, 70: 21-22, 279: 8-10, 286: 3-5	Anak lelaki dipandang sebagai sumber manusia bagi pasukan tentera masa depan bagi sesebuah negara.

Berseemangat patriotism	<i>Puram-</i> 86: 14, 77: 1-8, 276: 3-6, 279: 8-10, 286: 3-5	Kanak-kanak turut menyertai medan peperangan dengan penuh semangat patriotik bagi menghalang serangan musuh.
Tanggungjawab masyarakat	<i>Puram-</i> 312: 1-6	Ibu- Melahirkan anak Bapa- Menjadikan anak sarjana Tukang logam- Membentuk lembing Raja- Memberikan ganjaran mengikut sumbangan yang diberikan.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat daripada KTK

4.3.8 Hubungan Anak Dengan Ahli Keluarga Yang Lain

Perkembangan otak dari segi emosi dapat diperkembangkan apabila wujud hubungan kekeluargaan yang akrab dengan ahli keluarga seperti ibu, bapa, datuk, nenek dan adik beradik. Selain menyediakan hubungan kasih sayang, ahli keluarga membekalkan pelbagai ilmu dan nasihat yang membantu perkembangan otak dari segi emosi kepada anak-anak. Terdapat maklumat yang berkaitan dengan hubungan ahli keluarga dengan anak yang dapat dimaktubkan seperti berikut.

Jadual 4.15: Hubungan Anak Dengan Ahli Keluarga

a. Anak Dengan Ibu		
Pengawasan ibu	<i>Pari-</i> 15: 46-48, 9: 58-66 <i>Maturai-</i> 461-465	Ibu memegang erat tangan anak supaya tidak terpisah di tempat ibadat yang sesak.
Menyemaikan semangat keberanian	<i>Puram-</i> 86: 1-4, 279: 8-10, 286: 3-5, 310: 3-8	Si ibu menyemaikan semangat patriotik dan keberanian sejak kecil lagi. Misalnya seorang ibu dapat menghantar anak kecil ke medan peperangan selepas mengetahui suaminya dan adik lelakinya sudah terkorban.

Ketegasan ibu	<i>Kurun-</i> 397: 4-8 <i>Kali-</i> 82: 20-25, 84: 20-32	Ibu bersifat tegas dengan mengenakan hukuman kepada anak-anak yang melanggar peraturan.
Cara tidur	<i>Ain-</i> 401:1-6, , 402:1-2, 409:1-6	Anak tidur antara ibu bapa dengan memeluk bapa, manakala ibu memeluk anak.
Kepercayaan ibu terhadap anak	<i>Kurun-</i> 361:1-6	Anak memuji ibu yang tidak percaya kepada khabar angin tetapi meletakkan kepercayaan kepada anaknya.

b. Anak Dengan Bapa

Kegembiraan anak	<i>Nar-</i> 161, 221 <i>Akam-</i> 66:11-12	Anak menerima kepulangan ayah dari tempat kerja dengan perasaan gembira.
Kegembiraan bapa	<i>Nar-</i> 221: 12-13 <i>Puram-</i> 92: 1-3 <i>Ain-</i> 403:1-2, 410:1-2 <i>Akam-</i> 54:16-19, 197: 11	Seorang bapa ingin pulang ke rumah dengan cepat semata-mata untuk melihat telatah anak kecilnya belajar berjalan dan bermain-main.
Kemesraan anak dengan bapa	<i>Ain-</i> 410:1-3 <i>Akam-</i> 197:11-12 <i>Pattina-</i> 294-297 <i>Kali-</i> 80:22-24 <i>Puram-</i> 92: 1-3	Anak bermain mesra seperti memakaikan alat perhiasan dan kalungan malai kepada bapanya. Anak itu juga bermain di atas dada ayahnya dengan gembira
Keakrapan hubungan	<i>Ain-</i> 401:1-6, , 402:1-2, 403:1-5, 409:1-6 <i>Kurun-</i> 359:2-6, 366:3-5	Bapa bermain dengan anak lalu memeluknya. Kedua-dua mereka pula dipeluk oleh si ibu, menggambarkan keakrapan yang wujud dalam sesebuah keluarga. Mereka juga tidur dalam keadaan memeluk antara satu sama lain.
Pengubat masalah	<i>Akam-</i> 16:1-19, 66: 26, 76 <i>Nar-</i> 166: 7	Bapa menjadikan anak sebagai alat perantaraan untuk mendekati isterinya yang merajuk. Si bapa sanggup berada di rumah untuk meluangkan masa bersama anak.
Tanggungjawab bapa	<i>Puram-</i> 312: 2	Tugas bapa ialah menjadikan anaknya bergelar sarjana dalam bidang yang diceburinya.
Mencari pengganti ibu	<i>Ain-</i> 265:1-2 <i>Perum-</i> 250-251 <i>Nar-</i> 383: 1-5	Si bapa memastikan anak mendapat susu ibu setelah kematian ibu dengan menyediakan seorang anak angkat. Seorang bapa juga perlu menyediakan makanan untuk anaknya.

c. Anak Dengan Ahli Keluarga Yang Lain		
Panggilan ibu pengasuh	<i>Akam-</i> 145: 22 <i>Kurun-</i> 15: 8 <i>Puram-</i> 348: 7 <i>Perum-</i> 257	Beberapa istilah digunakan untuk merujuk kepada ibu pengasuh seperti <i>Cevilit tāy</i> , <i>īnat tāy</i> , <i>kāvar penṭu</i> , dan <i>añcāy</i> .
Kedapatan ibu angkat	<i>Perum-</i> 248-253	Anak-anak daripada keluarga kaya dijaga dan diasuh oleh ibu pengasuh.
Peranan ibu angkat	<i>Akam-</i> 17:1-5, 49:1-15 <i>Ain-</i> 380:3 <i>Kurun-</i> 44:1-4, 167:1-5 <i>Nar-</i> 110 <i>Perum-</i> 251	Ibu pengasuh merupakan insan yang paling rapat dengan anak perempuan sejak kecil lagi, menyebabkan segala rahsia dikongsi bersama. Oleh yang demikian beliau bertindak sebagai pakar rujuk anak perempuan dari masa ke semasa.
Datuk	<i>Kurun-</i> 146: 1-5 <i>Maturai-</i> 492 <i>Puram-</i> 224: 4	Kemesraan yang terjalin antara cucu dengan datuk.
Hubungan adik beradik	<i>Kurun-</i> 123:5, 129: 1 <i>Nar-</i> 127, 172: 4-6 <i>Puram-</i> 342: 14-15, 345: 12-15, 353: 15-17, 354: 3, 275: 8-9	Seorang anak lelaki yang mempunyai adik perempuan bertanggung jawab menjaga keselamatan dan sentiasa bersikap berkasih sayang dengan adiknya itu. Adik beradik sanggup berkongsi rahsia sesama mereka.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat daripada KTK

Pemaparan maklumat-maklumat mengenai perkembangan anak daripada peringkat penghamilan sehingga dewasa dalam KTK menunjukkan bahawa MTA memberi penekanan kepada perkembangan seseorang anak dari segi mental, rohani dan jasmani. Keadaan ini wujud kerana pemikiran MTA mengutamakan konsep kecemerlangan.

4.4 Penganalisisan Pemikiran Kebitaraan Masyarakat Tamil Awal

Penggumpulan data bagi Pemikiran Kebitaraan MTA daripada puisi-puisi KTK yang dihuraikan dalam bahagian 4.3, menunjukkan pelbagai maklumat mengenai Pemikiran Kebitaraan MTA. Dalam hal ini, pengkaji menggunakan tiga jenis pendekatan bagi membuat penganalisisan terhadap Pemikiran Kebitaraan MTA. Pertamanya, penganalisisan dijalankan berdasarkan penggumpulan data pada bahagian 4.3. Keduanya, pandangan para sarjana yang berdasarkan sumber-sumber sekunder KTK diteliti. Kedua-dua data tersebut tersebut dianalisis dan disintesis bagi mengukuh dan mengesahkan penemuan kajian.

Akhirnya dapatan tersebut diperbandingkan dengan Teori SPB4K bagi melihat setakat mana Pemikiran Kebitaraan yang dipaparkan dalam puisi-puisi KTK menunjukkan keserasian dan sebaliknya dengan konsep pemikiran yang dibawa oleh Teori SPB4K. Namun demikian, pengkaji tidak memisahkan ketiga-tiga pendekatan secara berasingan tetapi mengabungjalinkan secara sistematik dalam proses pengganalisan Pemikiran Kebitaraan MTA. Bagi tujuan tersebut, pengkaji mendekati bahagian penganalisisan Pemikiran Kebitaraan MTA berdasarkan skop-skop seperti berikut:-

- i. Persediaan sebelum kelahiran anak
- ii. Penjagaan ibu dan bayi
- iii. Proses tumbesaran anak dari segi intelek, rohani, emosi, dan fizikal
- iv. Tanggungjawab masyarakat terhadap perkembangan kanak-kanak
- v. Penganalisisan Pemikiran Kebitaraan berdasarkan Teori SPB4K

4.4.1 Persediaan Sebelum Kelahiran Anak

Penganalisan terhadap KTK menunjukkan bahawa, MTA mementingkan proses kelahiran seseorang anak dalam keluarga. Bagi MTA, kehadiran anak dalam sesebuah keluarga dianggap sebagai harta yang tidak ternilai. Kehidupan di dunia dikatakan tidak lengkap tanpa kehadiran seseorang anak dalam keluarga. Oleh yang demikian, pasangan suami isteri direstu oleh orang tua dan mereka bersama-sama dengan ahli keluarga yang lain berdoa kepada Tuhan untuk mendapatkan seseorang anak yang kamil (A.Thachanamoorthy, 2001: 141). Doa dan restu yang dibuat oleh MTA merupakan sejenis pemikiran positif yang dapat mewujudkan satu suasana yang harmonis sebelum kejadian anak itu berlaku. Penantian tempoh kehamilan dengan kesedaran kerohanian, disifatkan sebagai pertapaan untuk mendapatkan anak yang kamil.

MTA dikatakan tidak bersikap pilih kasih dalam proses penerimaan seseorang anak sebagai penyambung zuriat. Walaupun kehadiran anak lelaki diutamakan, namun kehadiran anak perempuan juga dialu-alukan oleh MTA. MTA menganggap kehadiran anak perempuan dapat membawa kekayaan manakala anak lelaki pula dapat membawa kemasyuran dan kebahagiaan di akhirat nanti. Apa yang ditekankan di sini ialah kehadiran seseorang anak yang dapat membawa kesempurnaan dan kebahagiaan dalam kehidupan (M.Indrani, 1994: 97). Pemikiran positif seperti ini dapat mewujudkan satu persekitaran yang sihat yang dapat memastikan proses kelahiran anak dalam keadaan sihat kerana seseorang ibu tidak mengalami tekanan daripada kaum keluarganya supaya melahirkan seorang anak lelaki.

MTA memberikan perhatian yang serius sepanjang tempoh penghamilan seseorang wanita, memandangkan perkembangan otak seseorang anak bermula semasa berada dalam rahim ibu lagi. Wanita yang mengandung dibekalkan dengan makanan seimbang dan diberikan belaian kasih sayang daripada suaminya setiap masa. Si suami dikatakan memenuhi segala idaman dan permintaan si isterinya sambil sentiasa mendamping bersamanya supaya jiwa wanita tersebut berada dalam keadaan aman dan tenteram (S.Kogilavani, 2004: 35).

Wanita mengandung juga dinasihati supaya menjauhi diri daripada perasaan ketakutan, kecemasan dan gangguan emosi bagi memastikan anak dapat lahir dalam keadaan sihat tanpa kecacatan. Keadaan ini akan mengelakkan tercetusnya sebarang pemikiran negatif yang boleh mengancam keadaan anak dalam kandungan. MTA berkemungkinan sedar bahawa, emosi seseorang ibu boleh mempengaruhi perwatakan seseorang bayi seperti mana yang dibuktikan oleh kajian sains moden. Gambaran mengenai Raja *Karikālan* yang dikatakan mewarisi sifat-sifat keberanian semasa berada dalam rahim ibunya membuktikan kenyataan di atas (M.Nirmala, 2013: 12).

Terdapat pelbagai nasihat dalam puisi-puisi KTK mengenai makanan yang perlu dielakkan oleh seseorang ibu mengandung supaya tidak berlaku keguguran ataupun boleh membawa kecacatan kepada anak dalam rahim (S.Kogilavani, 2004: 38). MTA menekankan tanggungjawab dan pantang larang yang perlu dipikul oleh seseorang wanita mengandung supaya dapat melahirkan anak tanpa kecacatan yang boleh mempengaruhi perkembangan otak. Pandangan MTA tentang kepentingan tempoh penghamilan menampakkan keserasian dengan konsep pihak NURY yang membincangkan

pembangunan intelek manusia bermula sejak dalam rahim lagi yang turut dimuatkan dalam Teori SPB4K (Mohd Yusof Hasan, 2007: 71).

4.4.2 Penjagaan Ibu dan bayi

Perkembangan otak yang baik bagi seseorang bayi bergantung kepada amalan pemakanannya. Pemberian susu ibu sebagai amalan pemakanan utama kepada bayi dititikberatkan oleh MTA. Kaum ibu memastikan kesemua anak mereka diberi susu ibu dengan penuh kesayangan (S.Kogilavani, 2004: 36-37). Bagi anak yang kehilangan ibu semasa kecil, si bapa berusaha sedaya upaya mencari ibu pengasuh yang sanggup menyusukan anaknya. MTA sedar akan kepentingan susu ibu sebagai nutrien dan pengikat kasih sayang antara ibu dan anak yang dapat mencorakkan perkembangan otak yang sihat.

Selain memberikan perhatian kepada kesihatan bayi, MTA memberikan perhatian khusus kepada kesihatan ibu yang baru bersalin. Ada rujukan mengenai, si suami menyediakan katil baru kepada isteri dan anak yang baru lahir. Adakalanya si ibu dan bayi diminta tidur di atas kulit rusa supaya tidak memudaratkan kesihatan badan. Ibu yang baru bersalin, dinasihatkan supaya sentiasa menjaga kebersihan badan dengan bermandi di kolam, mengambil pelbagai ubatan herba, memakai pewangi dan sentiasa menghiaskan diri supaya kelihatan cantik (K.Murugesan, 2008:12). Tindakan-tindakan di atas merupakan antara langkah-langkah penjagaan kesihatan yang dititikberatkan oleh MTA, kerana wanita tersebut akan sentiasa mendampingi bayi dan menyusukan anak dari masa kesemasa. MTA sedar bahawa kesihatan ibu boleh mempengaruhi kesihatan bayi yang kekurangan antibodi sehingga boleh merencatkan perkembangan otak anak tersebut.

Apabila anak-anak sedang semakin membesar, mereka diperkenalkan dengan makanan seimbang dan buah-buahan yang membantu perkembangan otak dan pertumbuhan fizikal yang sihat. Kaum ibu menyuapkan makanan kepada anak kecil sambil menyampaikan cerita atau dengan menunjukkan objek-objek menarik seperti bintang dan bulan di langit. Terdapat juga ibu yang merangsangkan anak-anak untuk makan secukupnya dengan menggunakan pelbagai teknik. Ini termasuklah anak diseru makan makanan demi ayah, datuk dan sebagainya. Ada juga ibu yang menggunakan kaedah paksaan iaitu mengugut anak-anak dengan rotan (R.Saranggabani, 2006: 44). Segala tindakan di atas dibuat supaya anak dapat makan makanan yang secukupnya kerana si ibu sedar anaknya lebih suka bermain berbanding dengan makan makanan. Pengawasan terhadap amalan pemakanan anak oleh ibu dalam MTA merupakan salah satu cara untuk memperhebatkan potensi anak seperti mana yang digariskan dalam resepi kecemerlangan Minda oleh Gale Maleskey yang diterapkan dalam Teori SPB4K (Mohd Yusof Hasan, 2002:96).

4.4.3 Proses Tumbesaran Anak

Perkembangan otak seseorang anak dikatakan adalah berkaitan dengan proses pertumbuhan anak tersebut dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Penganalisan KTK menunjukkan bahawa, MTA mewarisi satu pemikiran yang memberikan penekanan kepada setiap aspek yang diuraikan di atas yang dapat dianalisis satu persatu seperti berikut:-

4.4.3.1 Perkembangan Intelek

Perkembangan intelek diterapkan kepada kanak-kanak secara formal dan tidak formal oleh MTA. Penerapan ilmu secara tidak formal berlaku di rumah dalam bentuk nasihat oleh ibu bapa ataupun melalui orang tua yang ada dalam keluarga tersebut (M.A.Rajalakshmi, 1975: 88). Antara penerapan ilmu yang tidak formal termasuklah penerapan nilai keberanian, nilai-nilai murni dan penurunan ilmu kemahiran pekerjaan kepada anak-anak oleh ibu bapa (R.Sarala, 2002: 22).

Bagi MTA, nilai keberanian merupakan satu elemen yang penting dalam kehidupan seharian (K.Pandurangan, 1986: 115). Nilai keberanian disemaikan sejak kecil lagi supaya dapat menyemai semangat patriotik yang dapat menjaga kedaulatan dan kemerdekaan negara (Va.Cuba Manikkam, 1989: 14-15). Penyemaian nilai cintakan negara sejak kecil lagi merupakan antara sebab utama mengapa anak-anak kecil sanggup ke medan peperangan (M.Nirmala, 2013: 12). Penerapan nilai keberanian dianggap sebagai satu aset kepada negara dalam usaha melahirkan para perwira yang sanggup berkorban demi kepentingan negara dan bangsa.

Bagi MTA, anak-anak bukan sahaja perlu menyayangi ibu bapa, malah perlu mentaati dan menghormati ibu bapa mereka (S.Singaravelu, 2001: 202-203). Anak-anak dalam MTA sejak kecil lagi disemaikan dengan pelbagai nilai murni seperti menghormati orang tua, penjagaan tingkah laku yang baik, bersikap sabar, bercakap benar, bersopan santun, sentiasa berusaha, suka menderma, mencari kemashyuran dan kemegahan, serta mengamalkan semangat berkongsi supaya dapat diterapkan dengan semangat kemanusiaan (I. Salini, 1995: 10). Tindakan ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni merupakan sejenis

pemikiran nilai yang berasaskan kepada pegangan agama dan adat yang dipegang oleh masyarakat tersebut. Penerapan nilai murni sejak kecil lagi oleh MTA terhadap anak-anak mereka dilihat sebagai satu kaedah penerapan nilai disiplin. Nilai disiplin yang diterapkan oleh MTA tersebut akan menghalang keruntuhan akhlak dan merancakkan Pemikiran Kebitaraan seperti mana yang digariskan oleh Teori SPB4K.

Kanak-kanak MTA ditegah bercakap buruk tentang orang lain, menjadi saksi palsu, senang melupakan jasa orang, mengamalkan sikap malas, melakukan perbuatan keji seperti mengemis dan melakukan keburukan pada orang lain. Bagi pemupukan nilai-nilai tersebut, ibu bapa bertindak seperti '*role model*' kepada anak-anak (R.Mohan, 2010: 33-34). Tindakan ini seiring dengan resepi kecemerlangan minda oleh Gale Maleskey yang digariskan dalam Teori SPB4K, yang menyarankan ibu bapa menjadi contoh teladan terbaik kepada anak-anak untuk ditiru (Mohd Yusof Hasan, 2002:96). Pemupukan nilai-nilai murni tersebut penting bagi perkembangan otak dari segi intelek yang turut mempengaruhi emosi seseorang apabila dewasa kelak. Tindakan MTA yang menekankan elemen perwatakan dan konsep kemanusiaan kepada anak-anak menampakkan keserasian dengan kaedah instrinsik dan ekstrinsik yang dibawa oleh Teori SPB4K.

Apabila anak mula membesar dan memasuki alam remaja, anak tersebut dipelihara dan diawasi dengan rapi. Anak perempuan yang sudah mencapai akil balikh lebih awal daripada anak lelaki diberi perhatian khusus di mana mereka dilarang daripada melakukan tindakan-tindakan yang dapat membawa nama buruk kepada kaum keluarga (K.Panchangam, 2006: 216). Menurut A.Thachamoorthy (2001: 147), walaupun anak perempuan dianggap lebih matang daripada anak lelaki dari segi keintektualan, namun pengawasan rapi yang dikenakan oleh MTA terhadap mereka merupakan sejenis peraturan

masyarakat yang normal kerana pengawasan rapi seperti itu dapat dikesan dalam mana-mana masyarakat yang lain.

Dalam MTA, intelek anak dikembangkan melalui aktiviti penurunan ilmu pekerjaan kaum keluarga. Para ibu bapa gemar melibatkan anak-anak mereka dengan alam pekerjaan untuk menurunkan pemikiran teknikal mengenai alam pekerjaan kepada anak-anak mereka supaya dapat mewarisi kemahiran tersebut (C.Bala Subramanian, 2012: 19). Pemikiran teknikal yang diterapkan ini dapat membawa kepada cetusan pemikiran kreatif dalam kalangan anak-anak tersebut sehingga anak-anak tadi berpeluang untuk muncul sebagai pakar dalam bidang masing-masing. Dalam hal ini, MTA menekankan peranan seseorang bapa dalam proses mendidik anaknya sehingga digelar sarjana dalam alam pekerjaannya (K.K.Pillai, 1974: 103-104).

Tindakan penurunan ilmu pekerjaan kepada anak-anak merupakan salah satu usaha rangsangan kemahiran berfikir aras tinggi khasnya kemahiran aplikasi. Pemindahan kemahiran daripada ibu bapa kepada anak-anak oleh MTA merupakan ciri utama dalam kemahiran aplikasi (R.Venkataraman, 1986: 15). Pendedahan kepada alam pekerjaan pada usia muda juga membantu dalam perkembangan hemisfera otak kiri dan kanan atau kuadran A dan C yang terletak pada kuadran atas otak kerana ianya membantu anak-anak menguasai pemikiran logikal dan kreatif seperti mana digariskan dalam Teori SPB4K.

Menurut K.Rasa Rattinam (2011: 105), MTA bukan sahaja memberikan keutamaan kepada semangat kerja, malah juga kepada pekembangan ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, MTA menyediakan sistem pendidikan formal yang dapat membantu perkembangan intelek kanak-kanak. Sistem pendidikan formal diadakan di rumah tok-tok

guru atau di pusat-pusat pendidikan agama (T.Shiza Mozhi, 2014: 437). Anak-anak yang masuk ke alam persekolahan diseru menghormati guru, mendalami ilmu sehingga keluar negara dan mempertingkatkan ilmu sehingga bergelar sarjana (M.Arokiaswami, 2011: 110).

Walaupun tanggungjawab menjadikan anak sebagai seorang sarjana dipikul oleh si bapa, namun tindakan si ibu yang memberikan layanan yang berbeza kepada anak yang terpelajar dengan yang tidak, jelas menggambarkan pegangan MTA terhadap kepentingan pendidikan (K.Murugesan, 2008:12). Ibu bapa yang tidak menyediakan peluang pendidikan kepada anak-anaknya dicemuh oleh anaknya sendiri kerana menyebabkan dirinya dipinggirkan oleh masyarakat sekitarnya.

MTA memandang tinggi kepada seseorang anak yang berpendidikan tinggi walaupun berasal daripada keluarga berstatus rendah ataupun berusia rendah (P.Thiru Nyanasambandhan, 1986: 129). MTA sedar bahawa kehidupan seseorang akan bertambah baik apabila menerima pendidikan sempurna sehingga boleh mengubah kedudukan darjat mereka dalam masyarakat tersebut (P.Sellammal, 2014: 227). Hakikat tersebut dapat dibuktikan dengan kewujudan penyair yang terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat iaitu petani, pedagang, nelayan, kerabat di raja dan sebagainya (N.Vedamani Manuel, 1986: 409-410). MTA berpegang kepada konsep bahawa pendidikan akan menjadi panduan kepada seseorang menjalani hidup yang berhemah (I.Salini, 1995: 60). Oleh yang demikian, MTA memberikan kepentingan kepada perkembangan ilmu dan bidang pendidikan (J.K.Pillai, 1986: 58-59).

MTA memberikan penghormatan kepada kaum pendidik dengan menyediakan ganjaran dan pengiktirafan kerana mereka memikul tugas besar mendidik anak bangsa tanpa rasa jemu (P.Anuratha, 2002: 77). Persekitaran kehidupan MTA yang menekankan ilmu sedemikian rupa melahirkan anak-anak yang berdaya saing dalam bidang keintelektualan (K.Subha, 2014: 803). Pembangunan intelek yang diamalkan oleh MTA menampakkan keserasian dengan program-program Nury (Mohd Yusof Hasan, 2007:68-71) yang menekankan petua-petua formula kebitaraan seperti mana yang digariskan oleh Teori SPB4K.

Penganalisan sistem pendidikan MTA menunjukkan bahawa anak lelaki dan perempuan mendapat peluang yang sama bagi mendapatkan pendidikan formal (M.Bavani, 2014: 870) tanpa mengira kedudukan dan status dalam masyarakat (G.Selva Raj, 2000: 135). Kewujudan 45 orang penyair wanita daripada 473 orang penyair keseluruhan iaitu sebanyak 9.51% daripada jumlah keseluruhan penyair membuktikan kepakaran penyair wanita yang setanding dengan penyair lelaki (L.Gloria Sundaramathy, 1975: 62). Penyair-penyair wanita berjaya menghasilkan sebanyak 181 buah puisi (N.Manikandan, 2014: 217). Maklumat tersebut dapat membuktikan kenyataan bahawa kaum wanita dan lelaki mendapat pendidikan formal tanpa sebarang perbezaan (S.Krishna Kumari, 2003:84). P.S.Mani membuat perbandingan dengan bilangan penyair wanita MTA bilangan penyair-penyair wanita dalam tamadun-tamadun lain bagi membuktikan kecemerlangan dan pemikiran MTA dari segi pendidikan (1981: 275). Perbandingan tersebut dapat diperturunkan seperti berikut:-

Jadual 4.16: Bilangan Penyair Wanita Mengikut Zaman dan Kawasan

Zaman	Kawasan	Bahasa	Bilangan Penyair Wanita
1500 SM	India Utara	<i>Veda</i>	28
600 SM	Greece	Greek	1
600-500 SM	India Utara	<i>Pali</i>	73
500-300 SM	Greece	Greek	6
200 SM	India Utara	<i>Prakritam</i>	11
100 SM	Itali	Latin	1
100 SM	China	Cina	3
300- 200 SM	<i>Tamilagam</i>	Tamil	41

Diubahsuai daripada, P.S. Mani (1981: 275)

Menurut K.A.Jothi Rani (2011: 37), walaupun konsep pendidikan mendapat perhatian dalam kalangan MTA, namun terdapat kekurangan maklumat mengenai sistem pendidikan dalam kalangan kanak-kanak perempuan. Menurutnya lagi maklumat yang sedia ada dalam KTK ialah tentang kewujudan penyair wanita ketika itu. Maklumat tersebut tidak dapat memberi gambaran sebenar mengenai pendidikan bagi kanak-kanak perempuan secara amnya.

Perkembangan intelek kanak-kanak biasanya dibandingkan dengan teori kognitif yang diperkenalkan oleh Jean Piaget. Peaget membahagikan perkembangan kognitif kepada empat tahap iaitu tahap sensori-motor; tahap pra-operasional, tahap operasional konkret dan tahap operasional formal. Dalam hal ini, hasil KTK ada memberi maklumat mengenai keempat-empat tahap tersebut yang dilalui oleh seorang anak iaitu bermula pada peringkat bayi sehingga mencapai akil baligh. Terdapat juga maklumat mengenai perkembangan intelek anak tersebut berkembang akibat faktor pengalaman fizikal dan sosial sehingga membentuk kesinambungan yang baik. Misalnya pendedahan anak kepada konsep muzik dipercayai dapat membantu perkembangan otak (M.Runco, 2007: 95). Dalam hal ini,

kanak-kanak MTA didedahkan dengan alunan muzik sejak kecil secara langsung ataupun tidak langsung.

4.4.3.2 Perkembangan Rohani

Pemikiran Kerohanian merupakan elemen penting dalam kehidupan MTA. MTA berpegang kepada prinsip bahawa pemikiran kerohanian akan mempengaruhi kelahiran dan perkembangan anak yang kamil (D.Paddapiran, 2006: 112). Ibu bapa menurunkan ilmu kerohanian kepada anak-anak sejak kecil lagi secara sistematik. MTA menyediakan pusat pendidikan agama seperti agama *Veda*, Buddha dan Jaina bagi mengajar anak-anak akan falsafah kerohanian secara mendalam (C.Kathir Mahadevan, 1981: 164). Tindakan ibu bapa yang membawa anak-anak ke pusat ibadat bersama-sama juga turut membantu menyemaikan nilai kerohanian dalam diri mereka sejak kecil lagi (M.Shanmugam Pillai, 2003:233).

Pemikiran kerohanian yang diterapkan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi sebenarnya membantu memperkembangkan kecerdasan kepelbagaian sepertimana yang digariskan oleh *Teori Multiple Intelegence* (H.Gardner, 1993). Apabila kanak-kanak melihat orang dewasa bersembahyang dengan menyanyikan lagu-lagu pujian Tuhan, secara langsungnya ia akan meningkatkan kecerdasan muzikal. Kanak-kanak anak menyanyikan lagu-lagu pujian Tuhan sambil memainkan alat-alat muzik. Selain itu, kewujudan tempat ibadat yang dikelilingi oleh alam sekitar yang menyamankan juga dapat menerapkan kecerdasan naturalis dalam kalangan kanak-kanak. Pendedahan sedemikian pada usia kecil dapat mewujudkan satu pegangan bahawa alam sekitar adalah tempat tinggal Tuhan yang perlu dipeligara dan dijaga.

4.4.3.3 Perkembangan Emosi

Nilai kasih sayang merupakan elemen yang penting dalam institusi kekeluargaan MTA. Kasih sayang mampu membantu perkembangan emosi seseorang anak. Menurut M.Arokiaswami (2011: 88), institusi kekeluargaan MTA adalah antara yang terbaik yang pernah wujud dalam kalangan masyarakat Tamil sehingga kehari ini. Hal ini sedemikian kerana MTA memberi penekanan kepada nilai kasih sayang. Nilai kasih sayang antara anak dengan ibu, bapa, datuk dan adik beradik dapat mewujudkan hubungan kekeluargaan yang akrab. Hubungan akrab ini amat penting untuk membantu perkembangan emosi seseorang anak (A. Arumugam, 2008: 23). Ibu bapa MTA digambarkan sanggup meluangkan masa bersama anak-anak mereka dengan bermain, berkongsi kegembiraan, beramah mesra sambil meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap anak mereka (A.Thachanamoorthy, 2001: 143-144). Kesemua tindakan ini dapat memastikan anak-anak tersebut menerima kasih sayang yang sewajarnya. Hal ini, sekaligus membantu perkembangan otak dalam kuadran D. Ia menekankan perkembangan unsur-unsur interpersonal sebagai salah satu daripada tujuh kebijaksanaan dan kemahiran manusia seperti mana yang digariskan oleh Teori kecerdasan kepelbagaian oleh Howard Gardner (1993).

Tindakan MTA yang memberikan pelbagai tanggungjawab kepada anak-anak seperti membantu dalam alam pekerjaan dan membuat kerja-kerja rumah juga dilihat sebagai salah satu pendekatan yang baik bagi perkembangan emosi anak. Selain memahami penat lelah ibu bapa, anak-anak juga akan berasa dirinya diiktiraf kerana diberi kepercayaan tinggi bagi menjalankan beberapa tanggungjawab tertentu di rumah

(S.Sivakamasundari, 1995: 12). Tindakan ini akan membantu anak-anak membesar dengan sikap lebih bertanggungjawab apabila mencecah usia dewasa nanti. Keadaan ini seiring dengan pandangan Dorothy Nolthe (J.Canfield & H.C.Wells, 1976:23) yang turut diterapkan dalam Teori SPB4K, yang merumuskan bahawa kanak-kanak mudah dipengaruhi oleh suasana positif atau pun negatif. Kewujudan nilai kasih sayang sebagai ikatan keluarga akan mewujudkan suasana yang harmonis membantu pembentukan peribadi anak yang baik.

Penganalisaan terhadap perkembangan rohani dan emosi yang berkaitan dengan domain efektif mendedahkan kanak-kanak MTA melalui lima peringkat iaitu pengenalan, merespon, penghargaan, pengorganisaan dan pengamalan. Kanak-kanak MTA yang diperkenalkan sejak kecil lagi dengan pelbagai ajaran secara formal dan tidak formal, merespon secara aktif dan menerima nilai-nilai murni yang diterapkan. Keadaan ini membawa kepada satu keadaan dimana dan menghubungkan nilai-nilai yang dipercayai dalam aktiviti-aktiviti harian yang mereka lakukan menjadi sebahagian daripada pola. Dalam hal ini, peranan ibu bapa dalam usaha memperkembangkan domain efektif merupakan satu tindakan yang patut diikuti.

4.4.3.4 Perkembangan Jasmani

MTA sedar bahawa perkembangan jasmani seseorang anak dapat dilaksanakan dengan aktiviti permainan kerana aktiviti permainan dapat menjaga kesihatan badan dan kecergasan otak (M.Sangar, 2011: 155). Pandangan Sengai Podhuvan (1994: 171), yang menyatakan bahawa "*the objectives of the ancient games did not differ from the modern view*" membuktikan tujuan permainan MTA adalah sama seperti hari ini. MTA

memperkenalkan pelbagai permainan kanak-kanak sebagai sesuatu yang dapat menyerlahkan perkembangan jasmani.

Kajian menunjukkan bahawa, terdapat tidak kurang daripada 50 tempat di mana penggunaan istilah permainan dikesan dalam KTK (D.Krishnan, 2014:133). Permainan yang dimainkan oleh kanak-kanak MTA bukan sahaja melibatkan penggunaan anggota badan yang berkaitan dengan jasmani, tetapi juga mengguna pakai pancaindera-pancaindera tertentu, keinteraksian sosial dan keintelektualan secara berasingan ataupun secara gabungan (A.Patma Malini, 2014: 127). Amalan permainan MTA bukan sahaja membantu perkembangan kanak-kanak dari segi jasmani, malah juga dari segi intelek, emosi dan sosial (P.Ananda Kumar, 1986: 212-214).

Ibu bapa MTA memberi kebebasan penuh kepada anak-anak lelaki dan perempuan untuk bermain kerana aktiviti bermain dapat menjadikan seseorang itu cergas (R.Alexander, 2003:506-507). Terdapat kelainan dari segi jenis permainan yang dimainkan oleh anak lelaki dan perempuan yang berkaitan dengan tanggungjawab yang bakal dipikul selepas mereka menjadi dewasa (C.Bala Subramaniam, 2012: 15-18). Pemilihan jenis permainan mengikut jantina, masa dan tempat mendedahkan pemikiran kreatif dalam kalangan kanak-kanak dalam MTA (S.Sami Nathan, 2004: 201).

Amalan permainan ini mewujudkan satu suasana persekitaran integrasi sosial yang sihat. Ianya turut membantu membelajari pelbagai nilai seperti berani menghadapi cabaran, bekerjasama, adil, semangat berkongsi dan pintar menghadapi situasi cemas, selain menerapkan pemikiran nilai dalam kehidupan seharian (Arun Mahadevan, 2010: 155). Kebanyakan permainan yang dimainkan oleh kanak-kanak dalam MTA menekankan nilai

keberanian yang merupakan elemen utama yang mewarnai budaya MTA (M.Bala Subramaniam, 2003: 512).

Kebolehan kanak-kanak tersebut yang dapat membuat dan menghasilkan alat permainan seperti patung permainan kayu, kereta rata beroda tiga, patung pasir, patung rumput, patung logam dan sebagainya memaparkan pemikiran kreatif kanak-kanak MTA. Kanak-kanak dalam MTA didapati menghasilkan sesuatu alat permainan berdasarkan cara permainan itu dimainkan (S.Sivakamasundari, 1995: 121). Walaupun kewujudan pelbagai jenis permainan dan alat-alat permainan merupakan hasil daripada warisan bangsa yang dipelajari melalui kaedah tiruan, namun terdapat elemen inovasi dan kreatif yang dipraktikkan oleh kanak-kanak tersebut. Hal ini membuktikan bahawa permainan dalam kalangan kanak-kanak MTA melibatkan penggunaan hemisfera kanan otak ataupun kuadran C, seperti mana yang digariskan dalam Teori SPB4K.

Penganalisan terhadap perkembangan jasmani yang berkaitan dengan domain psikomotor mendedahkan kanak-kanak MTA ada melalui lima peringkat iaitu peniruan, penggunaan, ketepatan, perangkaian dan naturalisasi. Pada peringkat pertama kanak-kanak MTA belajar bermain dengan meniru sesuatu permainan daripada kanak-kanak yang lebih dewasa dengannya. Seterusnya, mereka menggunakan konsep dengan melakukan gerak secara benar dan wajar. Dengan ini, domain psikomotor kanak-kanak MTA ada sampai ke peringkat tinggi sehingga mereka mampu menghasilkan alatan permainan secara sendiri. Selaras dengan perkembangan psikomotor yang baik, kanak-kanak MTA dapat membesar dengan sihat suapaya dapat menjadi aset kepada keluarga dan negara.

4.4.4 Tanggungjawab Masyarakat Terhadap Perkembangan Anak

Proses perkembangan otak seseorang anak yang melibatkan pertumbuhan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, memerlukan kerjasama setiap ahli masyarakat. Secara kesimpulannya, pemikiran MTA menekankan tanggungjawab setiap ahli dalam masyarakat yang dapat membantu perkembangan tumbesaran anak tersebut. Maklumat tersebut dapat diringkaskan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 4.17: Tanggungjawab Masyarakat Terhadap Perkembangan Anak

Individu	Fungsi	Tanggungjawab
Ibu	Melahirkan anak	Tugas seseorang ibu ialah melahirkan anak dengan selamat. Seseorang ibu perlu mengikut segala pantang larang semasa berada dalam tempoh penghamilan dan menjaga kesihatan dirinya setiap masa bagi melahirkan anak dengan selamat.
Bapa	Menjadikan sarjana	Tugas bapa bermula apabila anak itu mula membesar. Beliau perlu menyediakan peluang pendidikan yang berkaitan dengan kerjayanya ataupun dalam bidang lain supaya anaknya dapat bergelar pakar dalam bidang yang diceburi satu masa nanti.
Tukang logam	Menyediakan senjata	Tugas tukang logam ialah menyediakan lembing dan segala peralatan senjata peperangan yang dapat menjaga kepentingan negara. Kanak-kanak juga dapat belajar akan teknik pengendalian. Mereka berlatih dengan dengan gigih sebelum ke medan peperangan.
Raja	Mempastikan rakyatnya berhemah	Raja dikehendaki memastikan negaranya berada dalam keadaan aman damai supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan aman sentosa. Keadaan yang harmoni dapat melahirkan rakyat yang berhemah tinggi.
Anak	Menewaskan gajah di medan peperangan	Tugas seseorang anak ialah sentiasa bersedia untuk ke medan peperangan apabila keadaan negara memerlukan. Anak mesti bersikap berani dan sanggup mengadaikan nyawanya dalam usaha menjaga kedaulatan negara.

Diubah suai daripada, K.Murugesan (2008:12)

4.4.5 Penganalisisan Pemikiran Kebitaraan Berdasarkan Teori SPB4K

Penganalisisan terhadap Pemikiran Kebitaraan MTA merupakan satu bidang yang kurang mendapat perhatian daripada para sarjana, lebih-lebih lagi yang berdasarkan teori-teori yang berkaitan dengan perkembangan otak. Oleh yang demikian, pengkaji menggabungkan teori dan petua kecemerlangan otak seperti mana yang digariskan dalam Teori SPB4K dalam usaha menganalisis Pemikiran Kebitaraan yang didukung oleh MTA.

Pemikiran Kebitaraan MTA menunjukkan keserasian dengan domain Taksonomi Bloom yang digariskan dalam Teori SPB4K. Taksonomi Bloom menegaskan bahawa, domain kognitif, afektif dan psikomotor merupakan komponen penting dalam proses tumbesaran kanak-kanak. Aspek-aspek ini dapat dikesan dalam pemikiran MTA. Pemikiran kebitaraan MTA menampakkan keserasian dengan elemen yang disebutkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan elemen rohani, emosi, intelek dan jasmani dalam proses melahirkan modal insan.

Kerangka model pembinaan Teori SPB4K menyatakan bahawa tujuan Pemikiran Kebitaraan adalah untuk melahirkan golongan sarjana (Mohd. Yusof Hasan, 2008:13). Tuntutan tersebut didapati menjadi pegangan asas MTA yang menegaskan bahawa bapa adalah bertanggungjawab untuk menjadikan anaknya sebagai seorang sarjana. Aspirasi MTA yang menekankan unsur-unsur kecemerlangan dan kegemilangan dalam sanubari anak-anak sejak kecil lagi menunjukkan keserasian dengan tuntutan Pemikiran Kebitaraan yang digariskan oleh Teori SPB4K.

Penganalisan Pemikiran Kebitaraan MTA juga menunjukkan keserasian dengan teori-teori minda Barat seperti mana yang digariskan dalam Teori SPB4K iaitu Teori Belahan Ddua oleh Roger Sperry dan *Teori Whole Brain (HBDT)* (Mohd Yusof Hasan ,2007:65). Kanak-kanak dalam MTA, sejak kecil lagi didedahkan dengan penggunaan otak hemisfera kanan dan kiri yang mengaplikasikan pemikiran logik dan kreatif serta penggunaan kuadran A, B dan D dalam otak yang membentuk gaya pemikiran secara sistematik.

Pemikiran Kebitaraan yang diwarisi oleh kanak-kanak MTA ada menguasai hampir kesemua kecerdasan kepelbagaian yang disarankan oleh Teori *Multiple Intelligence* yang diperkenalkan oleh Howard Gardner. Kanak-kanak yang melalui pendidikan formal di rumah tok guru ataupun di pusat-pusat agama dapat memiliki kecerdasan verbal linguistik. Kecerdasan ini dapat dikuasai melalui aktiviti bertutur, mendengar, menulis, membaca dan sebagainya. Kecerdasan logik matematik pula dikuasai oleh kanak-kanak MTA yang didedahkan dengan aktiviti penjualan hasil tenusu, garam dan hasil hutan.

Minat kanak-kanak MTA dalam seni muzik menyerlahkan kecerdasan visual-ruang dimana kanak-kanak MTA dapat mengesan rupa, bentuk, warna, dan lakaran. Penguasaan kecerdasan ini yang membolehkan kanak-kanak MTA suka melukis di atas pasir dan menghasilkan alat-alat permainan secara kreatif. Kecerdasan muzik kanak-kanak MTA pula sangat menyerlah kerana mereka sejak kecil lagi diperkenalkan dengan cara-cara bermain alat muzik. Keadaan inilah yang membawa kepada satu suasana di mana kanak-kanak MTA gemar bermain alat-alat muzik semasa waktu kelapangan.

Kehidupan MTA yang berkait rapat dengan alam sekitar turut mempengaruhi perkembangan kecerdasan naturalis. Keadaan ini membawa kepada kanak-kanak MTA dapat menghasilkan pelbagai alat-alat perhiasan, alat muzik dan permainan. Oleh itu, mereka juga dapat memilih tapak yang sesuai untuk mereka mengadakan kegiatan riadah mereka tanpa membawa gangguan kepada fauna dan flora. Kecerdasan ini membantu kanak-kanak MTA mampu mengenali dan mengklasifikasikan tumbuh-tumbuhan dan haiwan dengan baik. Penguasaan ilmu ini sangat penting untuk dimiliki oleh mereka bagi menghadapi kehidupan pada masa hadapan.

Kecerdasan yang paling menonjol dalam kanak MTA ialah kecerdasan kinestetik iaitu satu kemahiran yang dapat memanipulasi objek dan aktiviti motor halus dan kasar. Penglibatan kanak-kanak MTA dalam aktiviti fizikal seperti bermain, menari, berlakon dan belajar berperang, sebenarnya memerlukan kordinasi badan dari segi kelenturan, kepantasan dan keseimbangan. Kecerdasan kinestetik juga dapat memastikan kanak-kanak MTA sentiasa bersikap aktif dan menjaga kesihatan badan. Namun demikian, penanalisaan terhadap kecerdasan kepelbagaian yang dimiliki oleh kanak-kanak MTA mendedahkan kecerdasan interpersonal dan intra personal kurang diberi perhatian oleh MTA. Keadaan ini mungkin timbul akibat wujudnya satu peraturan yang ketat dalam proses pengawasan anak-anak dalam kalangan MTA.

Pemikiran Kebitaraan MTA juga didapati serasi dengan petua-petua formula kebitaraan yang digariskan dalam Teori SPB4K. Antaranya ialah proses penjagaan dan pemeliharaan anak dalam MTA menunjukkan keserasian dengan program NURY, pengaruh suasana Dorothy Nolte, dan resepi kecemerlangan Minda oleh Gale Maleskey. Konsep BBB iaitu Bina Budaya Baik dan Banteras Budaya Buruk, seperti mana digariskan oleh

Teori SPB4K (Mohd Yusof Hasan, 2007: 88-89), juga dapat dikesan dalam budaya MTA di mana kanak-kanak didedahkan nilai-nilai positif yang perlu diikuti dan nilai-nilai negatif yang perlu dielakkan sejak kecil lagi.

4.4.6 Kesimpulan

Penganalisan terhadap Pemikiran Kebitaraan MTA dapat mendedahkan pelbagai dapatan yang dapat dikongsi bersama. Secara ringkasnya penemuan dalam Pemikiran Kebitaraan MTA dapat dirumuskan seperti berikut:-

- i. MTA mewujudkan satu keadaan yang harmonis melalui aktiviti doa dan restu sebelum kajadian anak berlaku.
- ii. Si ibu dikehendaki ikut pelbagai pantang larang supaya dapat melahirkan anak dalam keadaan baik.
- iii. Kaum keluarga khususnya si suami perlu sentiasa mendampingi isterinya dengan menunaikan segala permintaan.
- iv. Bagi perkembangan otak yang baik, amalan pemakanan seimbang khasnya pemberian susu ibu kepada anak yang baru lahir ditekankan.
- v. Perkembangan anak dari segi rohani, emosi, jasmani, intelek diberi perhatian kerana ianya membantu perkembangan otak.
- vi. Ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni sejak kecil lagi kerana ianya boleh mempengaruhi sifat peribadi seseorang anak.
- vii. Anak-anak diawasi dan dijaga rapi dan dikehendaki megamalkan cara hidup yang berdisiplin.

- viii. Ibu bapa dan masyarakat sekitar menjadi role model supaya anak-anak meniru gaya hidup yang betul.
- ix. Anak-anak didedahkan kepada pemikiran logik, pemikiran teknikal, pemikiran kreatif dan pemikiran nilai melalui aktiviti permainan dan amalan pekerjaan.
- x. Konsep kecemerlangan dan kegemilangan kanak-kanak ditekankan sejak kecil lagi oleh MTA.
- xi. Setiap ahli masyarakat memainkan tanggungjawab dan peranan ,mereka dalam proses perkembangan otak kanak-kanak.

Penganalisan terhadap Pemikiran Kebitaraan MTA menunjukkan bahawa MTA memberikan penekanan kepada aspek tumbesaran anak dari segi intelek, emosi rohani dan sosial. Hal ini akan membolehkan kanak-kanak membesar secara seimbang sehingga dapat mencapai kecemerlangan dalam bidang yang diceburi. Oleh itu, MTA memberi penekanan kepada pertumbuhan yang sihat dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek kanak-kanak, yang bakal menjadi tulang belakang keluarga dan negara.